

IQRA'@PTAR

BIL.8/2020 | OGOS 2020



**PROGRAM BICARA TOKOH:
PERANAN RAJA-RAJA DALAM PROSES
KEMERDEKAAN OLEH YBHG. TAN SRI
SYED DANIAL SYED AHMAD**

M/S : 3

**PROGRAM BICARA TOKOH:
MASIKHAKAU INGAT?
OLEH YB SENATOR PROF. EMERITUS
TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH
BIN ABU SHAH, AHLI DEWAN NEGARA**

M/S : 4

**SAMBUTAN KEMERDEKAAN
SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN
PERINGKAT PERPUSTAKAAN
TUN ABDUL RAZAK, BERSAMA
NAIB CANSELOR DAN WARGA PTAR**

M/S : 6

**BUAL@IMPAK
NILAI IDART NILAI SEJAGAT
DARI SUDUT PANDANG DUNIA**

M/S : 9

**LIVE@PTAR
BICARA INDUSTRI BERSAMA
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD:
MENCETUSKAN JUARA DALAM DIRI**

M/S : 11



SIDANG REDAKSI IQRA'

PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

KETUA EDITOR

En. Jamalludin Sulaiman

EDITOR

En. Mohd Ismail bin Abidin

PENOLONG EDITOR

Cik Nor Sabariah bt Mansor

PENYELARAS

Pn. Adlina Abdullah

REKABENTUK / GRAFIK

En. Mohd Azry Zakaria

WARTAWAN / WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabe Mohd Nasir, Pn. Nik Zathilwani Jamaludin, Tn Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Nurul Farihah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md Hanafiah, Pn. Noredaya Rosli, Pn. Azian Azis.
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah binti Md Aziz & Cik Ilyia Nur Fateen Othman.
Perlis	: Cik Nor Azrina binti Kassim.
Sabah	: Cik Marlia binti Yuming.
Kedah	: Pn. Noor Azlin binti Abdullah.
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam.
Kelantan	: En. Muslim Bin Ismail @ Ahmad.
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Binti Mohd Narwawi & Cik Nur Aida Binti Rousli
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Binti Mat Seman
Terengganu	: En Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Binti Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam bin Saleh, En. Mohd Hafiz Bin Kasirun & Pn. Nur Rabita Binti Rouzan
Selangor	: Pn Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatihah Muhamad

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

Kata Aluan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah dapat menerbitkan e-Bulletin IQRA bilangan 8/2020. e-Bulletin IQRA ini diterbitkan bagi perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UiTM di seluruh negara setiap bulan. Perpustakaan Tun Abdul Razak mempunyai sebanyak 38 buah Perpustakaan di seluruh negara, oleh itu, penerbitan e-Bulletin ini sangat penting dalam menterjemahkan peranan dan fungsi perpustakaan berdasarkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan atau dianjurkan setiap bulan oleh Perpustakaan UiTM seluruh negara. Selain itu, melalui e-Bulletin IQRA ini, ianya secara tidak langsung dapat melatih atau membudayakan penulisan santai atau ilmiah di kalangan warga perpustakaan.

Fungsi perpustakaan kini sangat mencabar lebih-lebih lagi dengan Norma Baharu perkhidmatan perpustakaan berdasarkan kesan daripada Pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Melalui penerbitan -Bulletin IQRA, warga universiti dan masyarakat umum dapat melihat pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh perpustakaan dalam terus memberi perkhidmatan terbaik kepada warga universiti lebih-lebih lagi menerusi penawaran perkhidmatan digital perpustakaan yang lebih meluas.

Selaras dengan tema tahun 2020 perpustakaan iaitu "Towards a Globally Renowned University", "Unleashing Potential of Librarians, Shaping The Future of Library", adalah diharapkan melalui penerbitan IQRA ini dapat meningkatkan kompetensi Pustakawan dan warga kerja perpustakaan melalui aktiviti penulisan, dan ketampakan perpustakaan melalui penganjuran pelbagai program dan aktiviti yang berimpak. Saya juga berharap warga universiti dan masyarakat mendapat manfaat melalui pembacaan dan rujukan daripada penerbitan Bulletin IQRA ini.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor e-Bulletin IQRA. Terima Kasih.

Wassalam.

**Ts Noor Hidayat Adnan,
Ketua Pustakawan**



**Ts. NOOR HIDAYAT BIN ADNAN
KETUA PUSTAKAWAN UiTM**

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

   
library library library library

Bicara Tokoh

PERANAN RAJA-RAJA DALAM PROSES KEMERDEKAAN



Sempena dengan bulan kebangsaan dan Sambutan Hari Penubuhan UiTM, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM dengan kerjasama Kursi Institusi Raja-Raja Melayu telah menganjurkan Program bual bicara secara langsung bertajuk "Bicara Tokoh: Peranan Raja-Raja dalam Proses Kemerdekaan". Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, YBhg. Tan Sri Syed Daniel Syed Ahmad telah berbesar hati berkongsi pengalaman menelusuri lipatan sejarah Raja-Raja Melayu dalam menuntut kemerdekaan negara. Perkongsian beliau secara tidak langsung telah meningkatkan ilmu pengetahuan serta semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya warga UiTM supaya kedaulatan institusi diraja dan negara dapat dipertahankan. Turut hadir, Naib Canselor UiTM Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu Prof. Emeritus Datuk Dr. Zainal Kling, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Ketua Pustakawan UiTM Ts. Noor Hidayat bin Adnan, Barisan Pengurusan Kanan UiTM dan warga UiTM.

BICARA TOKOH :

“Masihkah Kau Ingat? ”

Sempena Hari Ulangtahan Penubuhan UiTM dan Sambutan Bulan Kebangsaan 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Bicara Tokoh: Masihkah Kau Ingat?" oleh YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, Ahli Dewan Negara. Program ini telah dikendalikan oleh YBhg. Professor Datuk Dr.Mizan bin Hitam, Penolong Naib Canselor ILD UiTM, selaku moderator program Live@PTAR.

Perkongsian topik pada sesi bual bicara kali ini berkisarkan pengalaman YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah sepanjang bergelar pelajar dan pemimpin pelajar di era RIDA dan ITM, pelantikan ke jawatan-jawatan penting sewaktu usia muda semasa di ITM dan seterusnya menjadi Naib Canselor UiTM dari tahun 2000 hingga 2009. Perjuangan beliau dalam membela nasib anak-anak bangsa amatlah besar sehingga mampu membawa nama UiTM di persada dunia. Beliau berkata, warga UiTM perlu bergerak seiring, saling membantu dan bekerjasama agar pencapaian dan kejayaan dapat dikenalkan.

Di akhir sesi Bicara Tokoh, YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah telah menyerahkan koleksi peribadi beliau untuk Inisiatif Derma Koleksi bagi Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak iaitu: Surat bertarikh 4 April 1980 daripada Pengarah ITM, Profesor Dato' Awang Had Salleh kepada YB Datuk Hassan Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam yang memaklumkan pencalonan Encik Ibrahim Shah pada masa itu sebagai Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar untuk Biasiswa Khas.



Sesi Bicara Tokoh oleh YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Moderator program YBhg. Professor Datuk Dr.Mizan bin Hitam, Penolong Naib Canselor ILD UiTM



Simbolik penyerahan Dokumen penting bagi kumpulan Derma Koleksi Ke Jabatan Arkib oleh YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu kepada Ketua Pustakawan, Ts Noor Hidayat bin Adnan dan disaksikan oleh Naib Canselor UiTM dan Penolong Naib Canselor ILD

Surat tersebut juga memaklumkan bahawa Dato' Awang Had Salleh menyokong permohonan biasiswa Encik Ibrahim Shah dan beliau akan memimpin Pejabat Dekan Hal Ehwal Pelajar. Simbolik penyampaian koleksi peribadi YB Tan Sri telah diberikan kepada Ts. Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan UiTM bagi simpanan Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak.

25 OGOS 2020

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Mohd Ismail Bin Abidin

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



BICARA TOKOH :

“Masihkah Kau Ingat? ”

Turut berlangsung, Pameran Pengkisahan Sejarah UiTM yang disediakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak bagi berkongsi peristiwa-peristiwa penting yang berlaku bermula di era RIDA sehingga penubuhan UiTM lebih-lebih lagi yang melibatkan YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Menurut Ts Noor Hidayat Adnan, Program bual bicara ini merupakan sebahagian daripada program-program berimpak sempena sambutan Hari Kebangsaan 2020 dan sempena Hari Ulangtahun Penubuhan UiTM. Ianya bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme warga UiTM dalam menghargai jasa pejuang-pejuang negara serta cintakan UiTM.



YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah menandatangani Pameran Pengkisahan Sejarah UiTM Sambil disaksikan oleh Naib Canselor dan Tetamu kehormat.



Tambahnya lagi, sebanyak 10 program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Ogos hingga September. Antaranya Bicara Tokoh Sesi Pengkisahan Sejarah Bersama Panglima Tentera Darat ATM pada 21 Ogos 2020, Bicara Tokoh bersama YBhg. Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad (Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja) pada 10 Ogos 2020, Program Ekspresi UiTM dan Pameran Tunku Abdul Rahman Al Haj, sepanjang bulan ogos hingga September dan yang akan datang Bicara Tokoh Bersama YBhg. Dr. Rais Saniman (Penggubal Dasar Ekonomi Baru) pada 9 September 2020. Turut hadir, Naib Canselor UiTM Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Ketua Pustakawan UiTM, Ts Noor Hidayat Adnan, Barisan Pengurusan Kanan UiTM serta warga UiTM.

PAMERAN BAPA KEMERDEKAAN ALLAHYARHAM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ 5 OGOS 2020

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Mohd Ismail Bin Abidin


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
 Cabangan Shah Alam


SELARI DENGAN TEMA HARI KEBANGSAAN 2020 IAITU "MALAYSIA PRIHATIN", PERPUSTAKAAN MEMAINKAN PERANAN YANG SANGAT PENTING DALAM MENDOKUMENTASIKAN MAKLUMAT DAN MENGELOUARKAN MAKLUMAT BAGI KESEDARAN MASYARAKAT KHUSUSNYA WARGA UITM, AGAR DAPAT MENINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTISME DI KALANGAN MEREKA - NAIB CANSELOR UITM, PROF EMERITUS DATUK DR MOHD AZRAAI KASSIM



Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Azraai Kassim berkenjung ke Pameran Bapa Kemerdekaan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj



Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Azraai Kassim berkenjung ke Pameran Bapa Kemerdekaan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Pameran Bapa Kemerdekaan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang juga Perdana Menteri Malaysia yang pertama mengisi sambutan Bulan Kemerdekaan dan Sambutan Penubuhan Universiti Teknologi MARA (UiTM) anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam sepanjang Ogos hingga September 2020.

Ketua Pustakawan UiTM, Ts Noor Hidayat Adnan berkata, antara program lain termasuk Ekspresi@UiTM, program bual bicara secara langsung bersama dengan pelbagai tokoh-tokoh penting dan kuiz kemerdekaan. Beliau berkata, Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Azraai Kassim juga turut berkunjung ke Galeri Pameran seterusnya membuat simbolik Pelancaran Pameran sekaligus sebagai simbolik bagi Sambutan Hari Kebangsaan peringkat PTAR UiTM .

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

"Program yang diadakan antara lain sebagai meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri dalam membina negara membabitkan semua lapisan warga universiti dan pengunjung. "Baginya, sokongan semua pihak menjayakan program berkenaan mengambarkan kesungguhan bersama untuk melihat sendiri sejarah kemerdekaan negara dalam masa sama mendokong kedaulatan negara," katanya hari ini. Hadir sama Pengarah Institut Kepimpinan Melayu (IMPAK), Prof Dr Amer Shakir Zainol , barisan Pengurusan kanan PTAR serta semua staf PTAR UiTM Shah Alam.

Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Azraai Kassim pula berkata, selari dengan tema Hari Kebangsaan 2020 iaitu "Malaysia Prihatin", Perpustakaan memainkan peranan yang sangat penting dalam mendokumentasikan maklumat dan mengeluarkan maklumat bagi kesedaran masyarakat khususnya warga UiTM, agar dapat meningkatkan semangat patriotisme di kalangan mereka.

"Penyampaian maklumat yang tepat mengenai sejarah kemerdekaan negara amat dititikberatkan dan perlu dipulihara sebaiknya agar generasi muda akan datang bakal mewarisi sebuah kisah pembentukan negara ke arah kemerdekaan serta kemakmuran yang perlu dikenalkan," katanya.

Sebelum itu, Naib Canselor turut menyertai program Bual Bicara bertajuk "Nilai i-DART, Nilai Sejagat Dari Sudut Pandang Dunia" anjuran Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM di PTAR Shah Alam.

LAWATAN KERJA PENANDAARASAN PERPUSTAKAAN USIM KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM SHAH ALAM

26 OGOS 2020

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

Iqraonline Iqraonline iqraonline Perpustakaan PTAR



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menerima lawatan kerja daripada delegasi Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 2, PTAR. Seramai 7 orang pegawai Perpustakaan USIM diketuai oleh Puan Nor Azzah Momin selaku Ketua Pustakawan telah menghadiri lawatan kerja ini dan diraikan oleh Ketua Pustakawan PTAR, Ts. Noor Hidayat bin Adnan. Tujuan lawatan kerja ini adalah sebagai penandaarasan pengurusan pengetahuan (KM) serta perkongsian ilmu. Ts. Hj. Azizi bin Jantan Ketua Jabatan Perpustakaan Digital (JPD), bersama Tn Haji Ahmad Faizar bin Jaafar, Ketua Unit Web dan Pembelajaran Digital telah membuat pembentangan dan penerangan mengenai pembangunan dan pengurusan KM Perpustakaan Tun Abdul Razak. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada warga USIM khususnya barisan pengurusan Perpustakaan USIM.

KUNJUNGAN HORMAT KE PUSAT ASASI, UITM KAMPUS DENGKIL 10 OGOS 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

[Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [YouTube](#) [Reportar](#)



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dengkil pada 10 Ogos 2020. Antara tujuan lawatan adalah untuk mengeratkan hubungan di antara PTAR dan fakulti; perkongsian maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PTAR; serta mendapatkan maklumbalas fakulti untuk penambahaikan perkhidmatan. Delegasi PTAR yang diketuai oleh Puan Adlina Abdullah (Pustakawan Kanan), Tuan Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Puan Nor Azian Azis, Puan Roszainatul Haizan Rusli, Cik Nor Sabariah Mansor dan Puan Aina telah disambut oleh Pengarah Pusat Asasi, Dengkil, Prof. Dr. Saifollah Abdullah dan Pengurusan Kanan Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dengkil dan satu perbincangan telah diadakan bagi membincangkan hubungan kerjasama di antara PTAR dan Pusat Asasi serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTAR kepada warga Pusat Asasi , UiTM Kampus Dengkil. Di samping itu, Program Book 2U juga turut diadakan semasa kunjungan hormat. Buku-buku terkini dan juga buku silibus telah dipamerkan. Program Book 2U tersebut telah mendapat sambutan dan beberapa transaksi pinjaman telah berjaya dilakukan.

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor

LIVE



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



Instagram

Facebook

Twitter

YouTube

Reportable LIVE



Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk Bual@Impak: Nilai Idart Nilai Sejagat Dari Sudut Pandang Dunia. Program ini telah dikendalikan oleh Prof Dr Amer Shakir Zainol, Pengarah IMPAK, selaku moderator dan panel jemputan, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM.

Program Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari UiTM Sepanjang Ogos-September 2020
Anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak dan Kursi Institusi Raja-Raja Melayu

1 Ogos	Pameran dan Kuliz Tuanku Abdul Rahman Putra Al Haj: Bapa Kemerdekaan dengan kerjasama Galeri Tuanku Abdul Rahman Lokasi: Galeri PTAR
1 Ogos	Ekspress@UiTM Video penerbit kreatif mengandung gambar-gambar lokakai peribadi staf/pelajar/akademik berkaitan ITM/UiTM membuat media sosial.
10 Ogos	Bicara Buku Professor Madya Mohd Hafiz Mamat [Penyayar AGSI] Semperata Mati Hishrah Napis: Prof. Dr. Mohd Hafiz bin Mati Hishrah Lokasi: Perpustakaan Tun Abdul Razak/PTAR Utama, Masa: 10:00 pagi. Secara Live Facebook/Youtube
10 Ogos	Bicara Tokoh YBhg. Tan Sri Syed Denial Syed Ahmad [Penyayar Mohor Besar Raja-Raja] Dapat: Persemaian Raja-Raja dalam Proses Kemerdekaan Lokasi: Canseleri Tuanku Sudat Sepasang Utama, Masa: 10:00 petang. Secara Live Facebook/Youtube
11 Ogos	Bicara Buku Encik Arrof Ishak [Penghaji Sejarah dan Penulis Buku] Engku: The Malay Civilization (karya) - PTAR Utama, Masa: 10:00 petang. Secara Live Facebook/Youtube

21 Ogos	Bicara Tokoh Sejati Pengilinan Sejarah Bersama Pengilima Tentara Darat ATM Dapat: Dr. Syed Wajid Bin Zaini Mohd Said & YBhg. Jers. (B) Tan Sri Mohd Zaini Md. Yusof Lokasi: PTAR Utama, Masa: 10:00 pagi – 12:00 tengahari Secara Live Facebook/Youtube
25 Ogos	Masihkah Kau Ingin? Bersama YB Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Iskak bin Abu Shah [Abi Dewantara] Napis: Dr. Iskak bin Abu Shah Lokasi: Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin UTAR, Masa: 11:00 pagi. Secara Rakaman
2 Sep	Bicara Buku Bersama Puuan Zaharah Sulaiman [Penggiat Sejarah dan Pensilis Buku] Engku: Asat-Asat Melayu, Indahnya Di Bumi Sunda. Lokasi: PTAR Utama, Masa: 10:00 petang. Secara Live Facebook/Youtube
9 Sep	Bicara Tokoh Bersama YBhg. Dr. Rais Sanjaya [Penggubul Doser Ekonomi Baru] Dapat: Dr. Rais Sanjaya Lokasi: PTAR Utama, Masa: 10:00 pagi – 12:00 tengahari Secara Live Facebook/Youtube
15 Sep	Bicara Tokoh Sejati Pengilinan Sejarah Bersama Veteran ATM Lokasi: PTAR Utama, Masa: 10:00 pagi – 12:00 tengahari Secara Live Facebook/Youtube



LIVE@PTAR BICARA BUKU: THE MALAY CIVILIZATION (TAMADUN ALAM MELAYU)

11 OGOS 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor

LIVE



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



BICARA BUKU

The Malay Civilization (Tamadun Alam Melayu)

ANJURAN BERSAMA
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK DAN KURSI INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU

PANEL JEMPUTAN:
Encik Mohd Arof Ishak
Ahli Lembaga Peradaban Melayu (ADAB)
Penulis Buku "The Malay Civilization"

MODERATOR:
Encik Mohd Yunus Abu Samah
Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM

LOKASI SIARAN LANGSUNG:
Aras 5, Studio Live@PTAR

11 OGOS 2020 (SELASA) | 3:00 PETANG

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Kursi Institusi Raja-Raja Melayu telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk Bicara Buku: *The Malay Civilization (Tamadun Alam Melayu)*. Program ini telah dikendalikan oleh En. Mohd Yunus Abu Samah, Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM, selaku moderator dan panel jemputan, Encik Mohd Arof Ishak, Ahli Lembaga Peradaban Melayu (ADAB) dan juga penulis buku "The Malay Civilization".



LIVE@PTAR BICARA BUKU: DAKWAH BIAR SANTAI TAPI SAMPAI

اقرأ



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



BICARA BUKU

Dakwah Blar Santai Tapi Sampai

10 OGOS 2020 | 10:00 PAGI

PANEL:
Profesor Madya Ts. Dr Mohd Nor Mamat
Pensyarah Kanan, ACIS UiTM / Penulis Buku

MODERATOR:
Encik Muhammad Zaidie bin Bardan
Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Shah Alam

SIARAN LANGSUNG:

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk Bicara Buku: *Dakwah Blar Santai Tapi Sampai*. Program ini telah dikendalikan oleh En. Muhammad Zaidie bin Bardan, Pustakawan Kanan, selaku moderator dan panel jemputan, Prof. Madya Ts. Dr Mohd Nor bin Mamat, Pensyarah Kanan/ACIS UiTM.

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

Berpapitan Berpapitan

LIVE

LIVE



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad telah mengadakan program ilmiah secara langsung bertajuk 'Mencetuskan Juara Dalam Diri'. Program ini telah dikendalikan oleh Dr Norzitah Abdul Karim, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM selaku moderator dan panel jemputan, Tuan Amin Idris, Penceramah Bebas. Antara perkara menarik yang dikongsi ialah konsep ujian dan hikmah yang perlu dikenalpasti, begitu juga maksud kekayaan dan kejayaan yang sebenar. Selain itu, panel jemputan juga turut berkongsi nashiat khusus kepada graduan-graduan dalam mencari pekerjaan.

Program ini turut dimeriahkan lagi dengan aktiviti cabutan bertuah daripada Bank Islam untuk para penonton yang bertuah. Seramai 5 orang penonton bertuah telah terpilih sebagai pemenang iaitu Norlina Romli, Mohd Khairul Idzwan bin Mohd Saad, Shukinah binti Ahmad, Khairatul Azween bt Khairuddin dan Abdul Aziz Lai bin Mohd Fikri Lai.



LIVE@PTAR SESI PENGKISAHAN SEJARAH
BERSAMA PERAJURIT NEGARA: ERTI KEMERDEKAAN
21 OGOS 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

//LIVE@PTAR

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

LIVE

@PTAR

SESI PENGKISAHAN SEJARAH BERSAMA PERAJURIT NEGARA : ERTI KEMERDEKAAN

21 OGOS 2020 | JUMAAT | 10:00 PAGI



Youtube UiTM Channel



LIVE
FB Rasmi UiTM Library

UiTM al hotuk!

<https://library.uitm.edu.my>

libraryuitm


PANEL JEMPUTAN

YBerbahagia Jeneral (B) Tan Sri Dato'
Seri Hj. Abdul Rahman bin Hj Abdul Hamid



PANEL JEMPUTAN

YBerbahagia Leftenan Jeneral
(B) Dato' Seri Zaini bin Mohd Said



MODERATOR

Tan Sri Mohd Nazril Mohd Amin
Kursi Institusi Raja-Raja Melayu



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Kursi Institusi Raja-Raja Melayu telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Sesi Pengkisahan Sejarah Bersama Perajurit Negara: Erti Kemerdekaan" dibawah segmen Bicara Tokoh. Program ini telah dikendalikan oleh En.Mohd Nazrul bin Mohd Amin, Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM, selaku moderator dan panel jemputan, YBerbahagia Jeneral (B) Tan Sri Dato' Seri Hj. Abdul Rahman bin Hj Abdul Hamid dan YBerbahagia Leftenan Jeneral (B) Dato' Seri Zaini bin Mohd Said.

Pengisian program ini memberi fokus kepada pengalaman kedua-dua panel dalam penglibatan mereka menangani penjajah, serta anasir-anasir luar yang mengancam keharmonian negara. Selain itu, panel jemputan turut berkongsi gambaran suasana ketika rakyat Malaysia pada masa dahulu menghadapi saat-saat getir dalam menjalani tempoh darurat. Melalui perkongsian secara langsung ini, YBerbahagia Jeneral (B) Tan Sri Dato' Seri Hj. Abdul Rahman bin Hj Abdul Hamid berkata, rakyat Malaysia seharusnya bersatu dan menjadi negara contoh, bukan sahaja dalam aspek pembangunan, malah pemikiran yang rasional supaya tidak terpengaruh dengan ideologi yang mampu menggugat keamanan negara. Manakala, YBerbahagia Leftenan Jeneral (B) Dato' Seri Zaini bin Mohd Said pula, menyatakan, seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum perlu mengenali dan mempertahankan jati diri supaya keamanan negara dapat dikenalkan. Pengorbanan dan juga semangat cintakan negara merupakan salah satu cara untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

Program siaran secara langsung ini juga dihadiri oleh penonton fizikal yang terdiri daripada warga kampus UiTM Shah Alam termasuk dari PALAPES UiTM. Turut hadir En. Jamalludin bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan UiTM serta YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zainal Kling, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu.Untuk melihat semula program, boleh layari Facebook Rasmi PTAR & Youtube Rasmi UiTM



27 OGOS 2020

LIVE

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



iberpustaka

iberpustaka

iberpustaka

iberpustaka

Reportable



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

LIVE@PTAR

Peranan Pustakawan dalam memberi perkhidmatan sokongan penyelidikan kepada pengguna:
Perkongsian antara PTAR dan Perpustakaan Akademik di Indonesia.

Tarikh : 27 Ogos 2020

Masa : 10:00 Pagi (Waktu Malaysia)



Sila imbas QR di untuk siaran
Langsung Program Live@PTAR



Puan Siti Rohayu
Mohd Yusof
Moderator



Puan Nurfarawahidah
Badruesham
Panel Jemputan



Drs. Suroto, M.A.
Panel Jemputan



Puan Maria Ayu Puspita
Panel Jemputan

UITM di rumah

The screenshot shows a video conference with four participants. In the top left is Puan Siti Rohayu, in the top right is Suroto (Unesa - Surabaya), in the bottom left is Maria Ayu Puspita, and in the bottom right is Nurfarawahidah. To the right of the video feed is a Facebook live stream interface with the following details:

- Post title:** Peranan Pustakawan dalam memberi perkhidmatan sokongan penyelidikan kepada pengguna
- Post by:** Perpustakaan UiTM
- Date:** 27 Ogos 2020
- Views:** 1,240
- Comments:** 402
- Shares:** 10
- Reactions:** 1,100 likes, 400 loves, 100 haha, 10 wow, 10 sad, 10 angry
- Comments section:** One comment from Ahmad Firdaus Junaedi.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Peranan Pustakawan dalam memberi perkhidmatan sokongan penyelidikan kepada pengguna: Perkongsian antara PTAR dan Perpustakaan Akademik di Indonesia". Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Rohayu, Pustakawan Kanan UiTM selaku moderator dan panel jemputan, Drs. Suroto, M.A., Ph.D. Ketua Perpustakaan, UPT. Perpustakaan Universitas Negeri Surabaya (Unesa), Puan Nurfarawahidah Badruesham, Pustakawan Kanan, Universiti Teknologi MARA dan Puan Maria Ayu Puspita, Staf Perpustakaan Universitas Negeri Semarang, Indonesia. Antara perkara yang dikongsi adalah bentuk perkhidmatan sokongan penyelidikan yang ditawarkan di perpustakaan, begitu juga perbezaan penawaran perkhidmatan dalam norma baharu. Selain itu, maklum balas dan cadangan daripada pengguna juga turut dikenangkan dalam sesi perkongsian ilmu ini. Untuk melihat semula program, boleh layari Facebook Rasmi PTAR & YouTube Rasmi UITM.

PROGRAM MENCARI BAHAGIA: TERAPI UNTUK HATI

13 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Siti Fazlina Mohamed Raffi


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
 Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam


13 Ogos 2020 (Khamis) – Program Mencari Bahagia: terapi untuk hati anjuran PTAR Kampus Puncak Alam telah dilaksana bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan prestasi diri warga kerja UiTM Cawangan Selangor. Penceramah bagi program terdiri daripada En Ahmad Janaidi Ab Ghani (Timbalan Ketua Unit Kerjaya dan Kaunseling) dan Ustaz Saiful Anuar Mohamed Sani (Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan). Program ini berbentuk sesi cakna ilmu/Bual bicara yang dapat meningkatkan ilmu dan pengetahuan serta menyokong kepada inisiatif budaya membaca dan dekad membaca kebangsaan kerana buku – buku yang berkaitan turut dipamerkan untuk tujuan pinjaman. Selain itu, program ini mampu melahirkan rasa tanggungjawab dan menerbitkan rasa kesyukuran yang tinggi dalam diri warga dalam mengatasi cabaran dan tekanan kehidupan dan seterusnya dapat meningkatkan fokus dalam pekerjaan. Program ini turut dipancarkan secara Live menerusi Facebook PTAR Kampus Puncak Alam dengan jumlah peserta seramai 105 orang staf Pentadbiran dan akademik yang terdiri daripada pelbagai Fakulti/Unit/Bahagian dari UiTM Cawangan Selangor. Diharap dengan ilmu yang dikongsi melalui program ini mampu membimbing warga untuk membina keseronokan bekerja, menangani bebanan kerja dan tekanan yang pelbagai dengan lebih baik.

PROGRAM BACAAN PANTAS 'SPEED READING'

18 OGOS 2020



18 Ogos 2020 (Selasa) – Bacaan pantas merupakan teknik bacaan yang mudah dipelajari dan boleh diperaktikkan melalui latihan yang sistematis. Aktiviti ini mampu membentuk masyarakat berilmu melalui teknik tumpuan membaca dalam meningkatkan ilmu pengetahuan jika teknik yang dipelajari diaplikasi di dalam melaksanakan kerja dan tugas yang diberikan. Pn. Nurul Diana Jasni (Timbalan ketua Pustakawan) dan En. Mohd Aizat Abdul Halim (Pustakawan kanan) sebagai penceramah sesi tersebut. Program ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada staf pentadbiran/akademik UiTM Cawangan Selangor serta 8 orang peserta luar yang merupakan kakitangan dari Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Beberapa latihan telah dijalankan bagi menguji kepantasan membaca di kalangan peserta dan keputusan yang diperolehi mendapati kebanyakkan peserta menunjukkan peningkatan kadar bacaan per minit setelah mempelajari teknik ini. Secara amnya, membaca dengan kepantasan yang tinggi membolehkan lebih banyak maklumat diserap dan diproses oleh otak manusia berbanding membaca pada kadar yang biasa. Diharap melalui program ini sedikit sebanyak membantu warga UiTM Cawangan Selangor menjadi lebih cekap dan efektif dalam pencarian maklumat melalui pembacaan bagi meningkatkan kualiti kerja. Diakhir program, sesi Book Review turut dilaksana sebagai inisiatif galakan membaca dimana 3 orang peserta telah mengambil bahagian untuk mengulas dan berkongsi bahan bacaan yang telah dibaca.

Disediakan oleh : Nurul Diana Jasni

LIVE



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam



Ibargate



Ibargate

Ibargate

Ibargate

Ibargate

Ibargate

Ibargate

Ibargate

Ibargate



Ringkasan statistik program Live@PTAR ini telah mencatatkan jumlah keseluruhan tontonan • FB PTAR Kampus Puncak Alam sebanyak 4.6k views & 104 shares.

- *Youtube Perpustakaan UiTM – 364 views*

(Statistik pada 12 Ogos 2020)

Link Program: <https://bit.ly/2R7sIFH>

11 Ogos 2020 (Selasa) - Program Live@PTAR merupakan program perkongsian pengetahuan dan maklumat dikelangan pakar dalam bidang-bidang kepakarannya. Justeru itu, PTAR UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat PTAR Shah Alam telah bekerjasama menganjurkan Live@PTAR seperti berikut:

Moderator: Puan Nurul Diana Jasni, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Puncak Alam

Panel Jemputan:

1. Dr Kartini Ilias, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Selangor
2. Puan Syahirah Omar (Ibu Anak Autisme & Penulis buku "Lana : Living As An Autistic")

Objektif:

1. Pengajuran program ini diharapkan dapat membudayakan program ilmiah berteraskan perkongsian bicara pakar mengenai topik "Cabaran Mengurus Anak Autisme di Musim Pandemik Covid-19"
2. Program siaran langsung ini diharap dapat dijadikan satu perkongsian terutamanya untuk ibu bapa yang mempunyai anak autisme, para pendidik, serta komuniti luar bagaimana menguruskan anak-anak autisme sepanjang Pandemik Covid-19.
3. Sesi siaran langsung ini telah berkongsi mengenai pengurusan, cabaran dan bagaimana tips menguruskan anak-anak autisme sekaligus dapat membantu ibu-bapa dalam menguruskan anak autisme di waktu Pandemik covid-19.

LAWATAN NAIB CANSELOR 19 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat


PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL
Cawangan Johor


*Sekitar sesi lawatan kerja Naib Canselor,
YBhg. Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kaasim
pada 19 Ogos 2020, di CIMB Trading Room, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.*

LAWATAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI 17 OGOS 2020



*Sekitar sesi lawatan kerja Lembaga Pengarah Universiti,
YBhg. Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir
pada 17 Ogos 2020, di CIMB Trading Room, UITM Cawangan Johor, Kampus Segamat.*

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat


PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL
Cawangan Johor


 LIVE


Mengalih

Mengalih

Mengalih

Mengalih

Perpustakaan UTM

LET'S GET FIT

18 OGOS 2020 (SELASA)
11.00 PAGIGOOGLEMEET : <https://ptdi.page.link/letsgetfit>Universiti
Teknologi
PETRONASMajlis
Perbandaran
Kuala PilahMajlis
Bandaraya
Kuala PilahMajlis
Daerah
Kuala PilahMajlis
Daerah
Kuala PilahMajlis
Daerah
Kuala PilahMajlis
Daerah
Kuala PilahMajlis
Daerah
Kuala Pilah

MODERATOR



ENOK SUJARMO BIN ABD KARIM

Pembantu Pustakawan



USTAZ RAFIUDDIN BIN MOHD YUSOF

Pembantu Hal Ehwal Islam Kanan

PANEL



DR. MOHAMAD ALI BIN TALIB

Pegawai Perubatan



EN. MOHAMAD MUARIE BIN KHALIL

Pembantu Operasi



CIK SITI SAKINAH BINTI ISMAIL

Pegawai Belia dan Sukan


 PENGETAHUAN
BERBANTUAN TEKNOLOGI
PERPUSTAKAAN
UTM

 PENGARAH:
AKHMET MAMATYEVICH KARAEV
MURID:
AKHMET MAMATYEVICH KARAEV

Buku ini merupakan panduan lengkap untuk membuat pertanyaan tentang kesihatan yang relevan dengan kehidupan sehari-hari. Ia juga memberi maklumat tentang teknologi GYM dan AED di tempat kerja. Buku ini juga memuatkan surau dan ajar secara profesional menggalakkan hidup sehat dan selesa.


 Complete
Emergency Care

 PENGETAHUAN
BERBANTUAN TEKNOLOGI
PERPUSTAKAAN
UTM

 PENGARAH:
DR. MOHAMAD ALI BIN TALIB
Pegawai Perubatan

 PENGARAH:
TAJUH
COMPLETE EMERGENCY CARE


 Dr. Mohamad Ali
BIN TALIB
Pegawai Perubatan

 PENGETAHUAN
BERBANTUAN TEKNOLOGI
PERPUSTAKAAN
UTM

 PENGARAH:
DR. MOHAMAD ALI BIN TALIB
Pegawai Perubatan

 TAJUH
DR. MOHAMAD ALI
BIN TALIB
Pegawai Perubatan


 18 OGOS 2020 (SELASA)
11.00 PAGI

 GOOGLEMEET : <https://ptdi.page.link/letsgetfit>

 PENGETAHUAN
BERBANTUAN TEKNOLOGI
PERPUSTAKAAN
UTM

 PENGARAH:
DR. MOHAMAD ALI BIN TALIB
Pegawai Perubatan

 TALK
DR. MOHAMAD ALI
BIN TALIB
Pegawai Perubatan


 PENGETAHUAN
BERBANTUAN TEKNOLOGI
PERPUSTAKAAN
UTM

 PENGARAH:
DR. MOHAMAD ALI BIN TALIB
Pegawai Perubatan

 PENGARAH:
DR. MOHAMAD ALI BIN TALIB
Pegawai Perubatan

 TALK
DR. MOHAMAD ALI
BIN TALIB
Pegawai Perubatan


 GAYA
HIDUP
SIHAT

 PENGETAHUAN
BERBANTUAN TEKNOLOGI
PERPUSTAKAAN
UTM

 PENGARAH:
DR. MOHAMAD ALI BIN TALIB
Pegawai Perubatan

 TALK
DR. MOHAMAD ALI
BIN TALIB
Pegawai Perubatan


 ASTUZ
RAFIUDDIN
BIN MOHD
YUSOF
Pegawai Belia dan Sukan

 PENGETAHUAN
BERBANTUAN TEKNOLOGI
PERPUSTAKAAN
UTM

 PENGARAH:
ASTUZ
RAFIUDDIN
BIN MOHD
YUSOF
Pegawai Belia dan Sukan

 TALK
ASTUZ
RAFIUDDIN
BIN MOHD
YUSOF
Pegawai Belia dan Sukan

Let's Get Fit merupakan sesi perkongsian ilmu berkaitan pengalaman peserta, tips kesihatan dan kepentingan senaman dalam kehidupan seharian. Pengamalan gaya hidup sihat merupakan kunci untuk mendapat kehidupan yang lebih sihat serta menjadikan seseorang itu lebih produktif di tempat kerja dan juga di rumah.

Program ini diadakan secara atas talian menggunakan platform google meet dan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran peserta melebihi 100 orang. En. Sujarmo bin Abd Karim, Pembantu Pustakawan merupakan moderator bagi program ini, dengan ditemani 4 orang panel iaitu :

- Ustaz Rafiuddin bin Mohd Yusof (Pegawai hal Ehwal Islam Kanan)
- Dr. Mohamad Ali bin Talib (Ketua Timbalan Pegawai Perubatan)
- En. Mohamad Muarie bin Khalil (Pembantu Operasi)
- Cik Siti Sakinah binti Ismail (Pegawai Belia dan Sukan)

Pihak PTDI merakamkan setingga penghargaan kepada keempat-empat panel yang sudi berkongsi pengalaman dan mengulas buku berkaitan kesihatan.

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat

PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL
Cawangan Johor

Warganet Warganet uliberg Perpustakaan UTM



Sambutan Kemerdekaan yang ke 63 disambut meriah di Perpustakaan Tun Dr. Ismail dengan pengisian program We Can See Your Voice. Pertandingan ini telah berlangsung pada 27 Ogos 2020, jam 10.00 hingga 11.30 pagi. Pertandingan ini dimulai dengan penyampaian pantun oleh semua staf Perpustakaan Tun Dr. Ismail dan disambung dengan persembahan deklamasi sajak oleh 10 orang peserta. Pertandingan ini diadakan secara atas talian dimana, kesemua peserta telah menghantar rakaman suara dan penonton dikehendaki mengundi sebanyak 3 peserta kerana pemenang diambil berdasarkan undian penonton.

Sajak yang telah dideklamasikan oleh peserta, dipetik daripada sebuah buku berjudul *Manggar-manggar Kemerdekaan*, yang merupakan koleksi buku PTDI. Pihak PTDI mengucapkan terima kasih kepada semua peserta dan penonton, dalam meriahkan aktiviti Bulan Kemerdekaan. Turut berlangsung pada bulan Ogos adalah Pameran Kemerdekaan yang diadakan di PTDI 1.

Berikut adalah pemenang dan peserta yang terlibat dengan Pertandingan We Can See Your Voice.

- | | |
|---|---|
| 1. Puan Zaty Natamulia binti Elias (Johan) | 7. En. Wan Abdul Rahim bin Wan Omar (Peserta) |
| 2. Ustaz Mohd Azhar bin Anuar (Naib Johan) | 8. En. Muhammad Lukmanulhakim bin Mohd Amir (Peserta) |
| 3. Puan Jannah Munirah binti Mohd Nor (Ketiga) | 9. Pn. Rabiatul Adawiyah bin Kamarulzaman (Peserta) |
| 4. Prof. Madya Ustaz Ahmad Nawawi bin Haji Yaacob (Keempat) | 10. En. Muhibean bin Iskam (Peserta) |
| 5. En. Mohd Nazri bin Ali (Kelima) | |
| 6. Pn. Rosmawati binti Said (Peserta) | |

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang Puan Rozaimah Mat Sidek, Mantan Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka yang mulai bersara pada 25 April 2020 di Hotel Hatten Melaka, pada 12 Ogos 2020. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pn. Faridah Talib yang juga Mantan Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka. Pihak Perpustakaan mendoakan semoga Pn. Rozaimah Mat Sidek sentiasa diberi perlindungan dan kesihatan berpanjangan oleh Allah SWT serta diluaskan rezeki dan berbahagia bersama keluarga tercinta. Terima kasih, selamat bersara dan jasamu tetap dikenang.

PROGRAM LIBRARY OUTREACH PTAR UITM CAWANGAN MELAKA

13 OGOS 2020

PROGRAM LIBRARY OUTREACH
PTAR UITM CAWANGAN MELAKA

PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI

13 Ogos 2020
11.00am -12.00pm
Pejabat Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka
Kampus Jasin



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach dengan fokus utama kepada Pengurusan Rekod Universiti. Sebanyak 1 sesi telah dijalankan pada 13 Ogos 2020 yang melibatkan Pejabat Rektor UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin. Penerangan secara terus atau bersemuka berkaitan Pengurusan Rekod dan Arkib, Pelantikan Pengurus Rekod, Konsultasi Pelupusan Rekod dan diakhiri dengan lawatan ke lokasi rekod disimpan telah dijalankan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka.

KONSULTASI PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI: PELUPUSAN BUKU DAN MAJALAH LAMA

11 OGOS 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka



Pada 11 Ogos 2020, Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menjalankan konsultasi Pengurusan Rekod Universiti: Pelupusan Rekod di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Konsultasi ini dijalankan bagi menerangkan proses pelupusan buku dan majalah lama di perpustakaan tersebut dengan memberi penerangan mengenai kelulusan pelupusan rekod yang telah diterima, kaedah dan cara pelupusan rekod yang sesuai untuk dijalankan bagi buku dan majalah lama. Selain itu, penerangan mengenai borang arkib 12/08 iaitu borang penentusahan pemusnahan rekod awam telah diberikan, di mana pelupusan buku dan majalah lama tersebut perlu disaksikan oleh seorang pegawai bertanggungjawab dan juga seorang saksi. Sebanyak 5088 naskah buku dan 495 naskah majalah yang akan dilupuskan dengan kaedah lopus jual. Konsultasi ini dijalankan selama 1 jam yang telah diterangkan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman.

PROSES PELUPUSAN BUKU DAN MAJALAH LAMA 25 OGOS 2020



Pada 25 Ogos 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah melaksanakan proses pelupusan buku dan majalah lama bersama dengan pihak Bendahari UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Sebanyak 5226 naskah buku yang telah dihantar untuk permohonan pelupusan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5088 naskah buku telah lulus untuk dilupuskan menggunakan kaedah yang telah disenaraikan oleh pihak Arkib iaitu jual. Selain itu, pihak perpustakaan juga telah membuat permohonan sebanyak 562 naskah majalah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 495 naskah telah lulus untuk dilupuskan. Proses pelupusan buku dan majalah ini telah berjalan selama 1 jam dan telah di ketuai oleh Puan Maznah Maarof bagi proses pelupusan buku dan Cik Hazlin Ibrahim Khan bagi proses pelupusan majalah.

PAMERAN MASA BULAN OGOS KEUNIKAN RUMAH MELAYU MELAKA MENGGAMIT NOSTALGIA

1 - 30 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Sepanjang bulan Ogos 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka telah membuat Pameran Maya yang bertajuk "Keunikan Rumah Melayu Melaka Menggamit Nostalgia". Ia menceritakan serba sedikit tentang Sejarah Keunikan Rumah Tradisional Melayu yang terdapat disekitar Negeri Melaka. Keunikan sebuah rumah yang memperlambangkan keistimewaan rekabentuk rumah tradisional di setiap lokasi yang terpilih. Terdapat kepelbagaiannya rekabentuk serta motif yang mempunyai gabungan keunikan elemen-elemen yang dipengaruhi oleh kebudayaan dan kesenian hasil seni pertukangan Melayu.



Keunikan rumah Melayu Melaka dapat dilihat dengan kehadiran 'tangga batu' yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Manakala fungsi ruang di setiap sudut, nilai estika yang terdapat pada binaan dan motif ukiran yang melambangkan jati diri tradisi masyarakat Melayu Melaka yang mementingkan hasil kerja tangan serta kehalusan seni ukiran yang masih kekal dipelihara sehingga hari ini.

Pautan pemeran maya : <https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/199-rumahmelayumelaka>

SEMAKAN DOKUMEN PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN PENTADBIRAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA, 17 OGOS 2020

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman,

Pada 17 Ogos 2020, Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan satu sesi semakan dokumen pelupusan rekod kewangan dan perakaunan antara pihak Audit Negara Malaysia Negeri Melaka dengan Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Melaka Kampung Bandaraya. Sesi semakan dokumen ini telah dihadiri oleh 4 orang pegawai audit iaitu:

1. Puan Nur Fadilah binti Abdul Mutalib – Penolong Pengarah Audit (W41)
2. Puan Rosnaida binti Bidin – Penolong Juruaudit (W32)
3. Puan Rosniza binti Ramli – Penolong Juruaudit (W32)
4. Encik Fadzil bin Baharum – Penolong Juruaudit (W32)

Sesi ini telah berlangsung selama 1 jam yang telah melibatkan aktiviti semakan dokumen rekod kewangan dan perakaunan bagi memastikan rekod tersebut cukup tempoh dan boleh diluluskan sebelum dihantar permohonan ke Jabatan Akauantans Negara bagi mendapatkan kelulusan terakhir sebelum rekod tersebut lulus untuk dilupuskan. Keputusan dari sesi ini pihak Pentadbiran UiTM Cawangan Melaka Kampung Bandaraya perlu menyemak semula dan menyediakan senarai rekod – rekod tersebut dengan lengkap dan teratur. Sesi ini akan diadakan semula setelah pihak Pentadbiran selesai menyediakan rekod yang lengkap dan teratur.



1. Gambar Kenangan bersama pihak Audit Negara Malaysia Negeri Melaka
2. Pihak Audit Negara Malaysia Negeri Melaka sedang menyemak dokumen rekod kewangan dan perakaunan

AUDIT DALAMAN PEMATUHAN SOP COVID-19 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN 5 OGOS 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Pada 5 Ogos 2020, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menerima kedatangan daripada Unit Kesihatan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin bagi menjalankan Audit Dalaman Pematuhan SOP Covid-19. Audit ini telah diketuai oleh Dr Abdul Rahman Hj Samion bagi memastikan sekitar perpustakaan telah melaksanakan langkah pencegahan Covid-19 di UiTM. Ini bagi mengikuti saranan kerajaan dalam pematuhan Akta 342 – Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan pematuhan Akta 514 – Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994. Pematuhan SOP ini telah dilakukan bagi membuat persiapan kedatangan pengguna ke perpustakaan. Audit Dalaman ini telah berjalan selama 30 minit dan telah diiringi oleh staf Pembantu Pustakawan Kanan, Puan Noraidah K.H. Abdul Ali.



Penjarakkan sosial di dalam perpustakaan



Penjarakkan sosial di kaunter utama perpustakaan



Infografik Cegah Covid-19



Laluan masuk ke Perpustakaan

PERJUMPAAN BERSAMA PUSTAKAWAN KANAN PTAR UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN,

اقرأ

5 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman,

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Pada 5 Ogos 2020, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menerima kedatangan ketua perpustakaan yang baru iaitu Encik Ahmad Nazri Jaafar bagi mengetui PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Satu sesi perjumpaan bersama Encik Ahmad Nazri telah diadakan bagi sesi suai kenal bersama staf PTAR Kampus Jasin dan memberitahu segala aktiviti dan perancangan PTAR Kampus Jasin. Perjumpaan ini telah berlangsung selama 1 jam dan diakhiri dengan lawatan di sekitar PTAR UiTM Cawangan Melaka. Selain itu, PTAR Kampus Jasin telah menerima Pustakawan baru yang telah melaporkan diri pada 1 Julai 2020 iaitu Cik Ilya Nur Fateen binti Othman.



Sesi perjumpaan dan suai kenal bersama ketua perpustakaan PTAR Kampus Jasin, Encik Ahmad Nazri Jaafar

Pemasangan Bendera Disekitar PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin Sempena Menyambut Bulan Kemerdekaan Ke-63, 6 Ogos 2020



Persiapan menyambut Sambutan Kemerdekaan Malaysia Ke-63

Pada 6 Ogos 2020, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka telah bergotong – royong bagi memasang bendera di sekitar perkarangan Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin bagi persiapan menyambut bulan kemerdekaan Malaysia yang ke-63. Pemasangan bendera ini telah bermula di bahagian luar perpustakaan dengan mengibarkan bendera Malaysia dan 13 bendera Negeri di dalam Malaysia. Selain itu, di dalam perpustakaan juga telah digantung bendera Malaysia bagi memeriahkan lagi suasana sambutan kemerdekaan Malaysia ke-63. Pameran maya yang bertajuk "Menelusuri Jejak Kemerdekaan" telah dipasang di televisyen yang diletakkan di aras 1 perpustakaan. Pameran maya itu juga boleh didapati di laman sesawang perpustakaan yang akan dimuat naik bermula 1 September 2020 sempena menyambut kemerdekaan Malaysia dan Hari Malaysia pada 16 September 2020.

PELUPUSAN SKRIP JAWAPAN BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK (HEA) UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN,

5 - 6 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Pada 5 - 6 Ogos 2020, Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah melaksanakan proses pelupusan skrip jawapan tahun 2014 – 2016 di Unit Perolehan UITM Shah Alam. Sebanyak 48,023 skrip jawapan yang telah mendapat kelulusan untuk dilupuskan menggunakan kaedah yang telah disenaraikan oleh pihak Arkib iaitu rincih. Proses pelupusan skrip jawapan ini telah berjalan selama 2 hari dan telah di ketuai oleh Puan Nabihah Mohd Nasib, Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Pihak HEA telah menghantar borang arkip 12/08 iaitu borang penentusahan pemusnahan rekod awam kepada Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka dan borang tersebut telah dihantar kepada Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka untuk tindakan seterusnya.



1. Skrip jawapan sebelum dilupuskan

2. Semasa proses pelupusan skrip jawapan yang telah dilaksanakan oleh staf Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Melaka sendiri

3. Hasil daripada pelupusan sebanyak 48,023 skrip jawapan

PAMERAN KESEDARAN PENCEGAHAN COVID-19: KITA TEGUH KITA MENANG, 10 - 31 OGOS 2020



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan pameran maya bertajuk "Kesedaran pencegahan Covid-19: Kita Teguh Kita Menang". Pameran ini memberi panduan dan tips pencegahan, informasi mengenai gelaja Covid-19, amalan 3W, langkah pencegahan di tempat kerja, mitos dan fakta, kaedah membuang pelitup muka dan sebagainya. Segala informasi ini haruslah di manfaatkan dalam norma baharu masa kini bagi menghindari rantulan virus Covid-19 dari terus menular di kalangan masyarakat Malaysia. Pameran maya ini berlangsung bermula 10 Ogos 2020 sehingga 31 Ogos 2020 dan boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Virtual Exhibition. Diharapkan rakyat Malaysia dapat mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Pautan pameran maya : <https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/200-covid19-kitamenang>

TAKLIMAT PENGENDALIAN KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT (KKM) 14 OGOS 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Safizan Sopian

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Negeri Sembilan



Pada 14 Ogos 2020 jam 9.00 pagi, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah telah mengadakan program Taklimat Pengendalian Kelas Kemahiran Maklumat (KKM). Program ini telah dihadiri oleh staf PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah seramai 12 orang bertempat di Makmal Komputer PTAR. Taklimat disampaikan oleh En. Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan dan dibantu oleh En. Mohd Rusedzwan Mohd Idris, Pembantu Pustakawan. Beliau berkongsi pengalaman dan pengetahuan bagaimana untuk mengendalikan kelas kemahiran maklumat untuk pelajar dan juga staf di UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini berlangsung selama 1 jam.

TAKLIMAT DAN TUTORIAL PENGGUNAAN APLIKASI GOOGLE 14 OGOS 2020

Pada 14 Ogos 2020 jam 10.00 pagi, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah telah mengadakan program Taklimat dan Tutorial Penggunaan Aplikasi Google. Program ini telah dihadiri oleh staf PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah seramai 12 orang bertempat di Makmal Komputer PTAR. Taklimat disampaikan oleh En. Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan. Beliau berkongsi pengalaman dan pengetahuan bagaimana untuk menggunakan aplikasi google dalam kegunaan tugas harian. Terdapat pelbagai aplikasi google yang boleh digunakan untuk memudahkan dalam melaksanakan tugas yang diberi. Program ini berlangsung selama 1 jam.



Disediakan oleh : Safizan Sapijan

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Negeri Sembilan

Mengajar



Mengajar



utmllibr



Perpustakaan UTM

The screenshot shows a live video broadcast titled "LIVE@PTAR". Two women are speaking: Nurbani on the left and Rafidah Abdul Aziz on the right. The background includes bookshelves and a banner for "PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN". The video player interface at the bottom shows a progress bar at 3:16 / 1:00:02, and logos for LR, UTM di halus, PTAR, and YouTube.

Pada 8 Ogos 2020 jam 10.00 pagi, program Live@PTAR Segmen Bersama Pakar telah dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program yang bertajuk Booklicious: Jadikan Buku Sebagai Vitamin Jiwa telah dirangka dan diselia oleh staf PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Pakar Biblioterapi, Pn Rafidah binti Abdul Aziz, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat merangkup sebagai Presiden (PERBIMA) Persatuan Biblioterapi Malaysia dijemput sebagai panel manakala Pn. Nurbani Nurdin, Pembantu Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah sebagai moderator. Program ini diadakan secara langsung melalui medium YouTube dan Facebook dan berlangsung selama 1 jam. Banyak perkara yang diulas dan dikongsikan oleh panel kepada penonton yang melihat secara atas talian.

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman

LIVE



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

Facebook Instagram Uluslibrary Perpustakaan UiTM
@perpus.tar@ulib.utm.edu.my



-eSpi-



Perpustakaan
Universiti Teknologi
MARA
Kampus Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

BACAAN BERTAJWID SURAH



BERSAMA:
Ustaz Muhammad 'Adli Bin Ibrahim
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Hal Ehwal Islam (UHEI)
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

14 OGOS 2020 ◊ JUMAAT ◊ 10.00 PAGI ◊ MEDIUM: GOOGLE MEET

GOOGLE MEET





'Jom Imbas
& Sertai Kami'
<https://ulib.utm.edu.my/eSpi/>

Terbuka kepada warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan
PTAR KAMPUS REMBAU
"LibraryForAll"

BACAAN BERTAJWID SURAH AL-FATIHAH

Sesi perkongsian ilmu (eSpi) Bacaan Bertajwid Surah Al-Fatiyah telah berlangsung dengan jayanya pada 14 Ogos 2020 yang lalu, jam 10.00 pagi. Sesi eSpi ini bertujuan memperoleh cara-cara bacaan Al-Fatiyah yang betul dan tepat semasa menuaikan solat. Penceramah jemputan adalah Ustaz Muhammad 'Adli Bin Ibrahim, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dari Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Sesi ini telah dimulakan dengan perkongsian ringkas tentang sejarah turunnya surah Al Fatihah dan seterusnya diikuti dengan teknik pembacaan bertajwid. Program ini telah diadakan secara maya dengan menggunakan medium Google Meet. Peserta yang terlibat terdiri dari warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan serta cawangan UiTM yang lain. Diharapkan sesi perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam meningkatkan dan memperbaiki bacaan surah Al-Fatiyah khususnya semasa melakukan ibadah solat. Sesi ini juga telah dikendalikan oleh Puan Norlilawati Mohd Shah, Pembantu Pustakawan selaku pengacara program. Jumlah peserta yang menyertai eSPI ini adalah seramai 122 orang.




Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



The poster features the Universiti Teknologi MARA logo and the text 'Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau'. The main title 'Sesi Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan' is displayed prominently in large white font against a dark background with orange and red abstract shapes. Below it, 'MODUL KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT' and '25 OGOS 2020 | 2.30 PETANG | MEDIUM: GOOGLE MEET' are mentioned. A QR code for Google Meet is provided with the text 'Jom Imbas & Sertai Kami!'. A photo of a woman in a pink hijab holding an open book is on the right. The bottom left shows a screenshot of a presentation slide titled 'Sistem Kelas Kemahiran Maklumat'. Logos for 'UiTM di sini' and 'PTAR' are at the bottom right.



SESI PEMANTAPAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Sesi perkongsian ilmu (eSPI) Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan bagi Modul Kelas Kemahiran Maklumat telah berlangsung jam 2.30 petang pada 25 Ogos 2020 melalui medium Google Meet. Objektif program ini diadakan bertujuan untuk memberi perkongsian maklumat dan amalan terbaik yang pernah dijalankan di PTAR Kampus Puncak Alam khususnya kepada semua staf perpustakaan UiTM berkenaan modul-modul KKM. Program ini turut memberi pendedahan kepada Pustakawan dan staf yang baru pertama kali mengendalikan KKM. Penceramah jemputan bagi program ini adalah Puan Nurul Diana binti Jasni, Timbalan Ketua Pustakawan dari PTAR Kampus Puncak Alam dan Puan Nur Rabita binti Rouzan, Pustakawan Kanan bertindak selaku pengacara program. Di dalam program ini juga telah dikongsikan perkhidmatan baru PTAR Kampus Rembau kepada peserta iaitu Pandu Lalu Peminjaman & Pemulangan Bahan dan memperkenalkan saluran media yang baru iaitu YouTube Channel PTAR Kampus Rembau. Jumlah peserta yang menyertai eSPI ini adalah seramai 99 orang.



SESI PERKONGSIAN ILMU "BASIC POSTER DESIGN"

PTAR UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

KAMPUS REMBAU

18 OGOS 2020

اقرأ

LIVE

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

Warganet Negerai utropolis Perpustakaan UTM

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARAKA
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

TUESDAY, AUGUST 18TH
2.30 PM - 3.30 PM

TRAINER : AL HAZRIQ ZAINAL ABIDIN

BASIC POSTER DESIGN

GOOGLE MEET



BASIC POSTER DESIGN

Sesi Perkongsian Ilmu (eSPI) Basic Poster Design telah berlangsung pada 18 Ogos 2020. Sesi ini bermula pada jam 2.30 petang dan menggunakan platform Google Meet. Cik Malisyah Jamal Abdul Nasir, Pembantu Pustakawan selaku pengacara program telah melakukan promosi bagi penerbitan baru PTAR Kampus Rembau iaitu Article Indexing@Broadcasting, E-Book Collection Faculty Information Management, Faculty Communication & Media Studies, and Faculty Business & Management, dan turut memaklumkan laman web baru PTAR UITM Cawangan Negeri Sembilan serta New Arrival@PTAR kepada peserta. Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh En Al Hazriq Zainal Abidin, Pembantu Pustakawan bertujuan memberi perkongsian kemahiran dan teknik menyediakan poster dengan kaedah yang cepat dan betul menggunakan perisian Adobe Illustrator iaitu salah satu medium bagi rekabentuk poster. Seramai 120 peserta yang telah mengikuti eSPI ini.



PROGRAM BREAKFAST @ PTAR

21 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Mohd Zahidzi Mohd Ali



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Cawangan Negeri Sembilan

9 Muharam 1442H / 21 Ogos 2020M (Jumaat), PTAR Kampus Seremban telah mengadakan Program 'Breakfast@PTAR'. Program ini merupakan program dwi tahunan yang dilaksanakan oleh pihak PTAR Kampus Seremban.

Pengisian program kali ini adalah dengan menjemput Al-Fadhil Ustaz Puaad Osman Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan kampus Seremban, untuk menyampaikan tazkirah bertajuk "Erti kemerdekaan hakiki menurut syariah Islam sebagai kaitangan kampus".

Selain santapan rohani, pihak PTAR Kampus Seremban juga menyediakan sedikit jamuan kepada tetamu yang hadir bersempena tajuk program iaitu 'Breakfast@PTAR'.

Pada umumnya program ini berjaya mengukuhkan lagi kolabiasi di antara PTAR Kampus Seremban dengan unit-unit yang lain serta merapatkan ukhwah Islamiyah, keakraban, kemesraan dan perasaan seronok antara kaitangan. Tidak lupa juga penghayatan kepada erti 'Kemerdekaan'.

Seramai 26 orang hadir ke program kali ini, yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pustakawan Pn. Hajah Wan Norizan Wan Mansor, Pustakawan Kanan En. Mohd Hafiz Kasirun dari PTAR Kampus Kuala Pilah manakala PTAR Rembau diwakili oleh Pustakawan Kanan Pn. Nur Rabita Rouzan.



PERSIAPAN MENYAMBUT BULAN KEMERDEKAAN MALAYSIA 2020

7 OGOS 2020

Tanggal 31 Ogos 1957 merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat Malaysia. Bersempena sambutan hari kemerdekaan ini, pada 7 Ogos 2020, PTAR Kampus Seremban telah menjalankan persiapan menyambut bulan kemerdekaan Malaysia 2020. Seramai 4 orang staf perpustakaan telah terlibat dalam menjalankan kerja persiapan dan semua tugas telah selesai dilaksanakan selama 1 jam. Semoga semangat mengekalkan 'Kemerdekaan' akan terus tersemat di sanubari setiap warga PTAR Kampus Seremban khususnya dan seluruh warga Ultim Kampus Seremban umumnya.



Disediakan oleh : Nur Dayana Muhd Nawawi

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM Cawangan Perak, Kampus Tapah

Pada 26 Ogos 2020 (Rabu), Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Tapah telah mengadakan aktiviti gotong-royong. Tugasan telah diberikan kepada pegawai dan staf untuk bersama-sama membersihkan kawasan PTAR Kampus Tapah. Aktiviti ini bermula pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada jam 4.00 petang. Kesemua pegawai dan staf terlibat telah memberikan kerjasama yang baik dalam aktiviti gotong-royong ini.



Objektif utama aktiviti gotong-royong ini dijalankan adalah untuk membersihkan kawasan dalaman PTAR Kampus Tapah di samping mengemaskini sudut pameran dan tampilan Standard Operating Procedure (SOP) Penjarakan Fizikal di meja dan kerusi. Selain itu, bertepatan dengan bulan kemerdekaan yang jatuh pada bulan Ogos, PTAR Kampus Tapah juga telah menggantung bendera Malaysia dan Negeri-negeri di Malaysia di hadapan pintu utama. Ini bagi menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan bukan sahaja dalam kalangan staf PTAR Kampus Tapah, tetapi kepada para pengguna yang datang ke perpustakaan.

Disediakan oleh : Nur Dayana Muhd Nawawi



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

UITM Cawangan Perak, Kampus Tapah



STAY CONNECTED

ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

Pameran Maya TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI **Perak**


Darul Ridzuan
The land OF Grace



OGOS - SEPTEMBER 2020



Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Tapah telah mengadakan Pameran Maya yang bertajuk : Tempat-tempat Menarik di Negeri Perak. Pameran ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai tempat-tempat yang boleh dilawati ni Negeri Perak kepada pengguna. Terdapat 32 lampiran mengenai pameran maya ini. Di samping itu, pameran fizikal dengan tajuk yang sama juga telah dipamerkan di sudut pameran di PTAR Kampus Tapah.



Disediakan oleh : Nur Dayana Muhd Nawawi

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM Cawangan Perak, Kampus TapahPerpustakaan
Tun Abdul Razak
Universiti Islam
Negeri Sultan Syarif Kasim RiauSTAY CONNECTED
[LIBRARY](#) | [ABOUT](#) | [ARCHIVE](#)

Read & Relax

1. DRISIRAH

Buku ini mengangkat bahagian penting dan krusial dalam mengelakkan unsur hukum-hukum pengurusan matang yang berpotensi menyebabkan kesalahan dalam bidang Forensik pada penerapan Islam.

2. HUKUM

Buku ini mengangkat 22 acat jiwaih terhad pengurusan matang mengikut syariat Islam. Antara asas hukum seperti peraturan POST MOSTIM (SUDUT) ke atas maut, teknik matang dilaksana di bawah adab-al-batal untuk Jalinan dan dalam bidang hukum dan teknologi hukum.

3. TEKNIK PENGETAHUAN

Buku terbuka bagi pelajang PGDA yang penulis atau Dr. Faridah Mhd Nor, Dr. Aspaliah Alias dan Dr. Zulkifli Mohamed Al-Dokhi yang memperkenalkan pokok-pokok dalam bidang matang mengikut masing-masing.

4. HUKUM

Fiqh Forensik merupakan bidang yang penting bagi dilaksanakan dalam bidang hukum Islam. Bahkan banyak ahli-ahli negara menganggap bahawa hukum Islamic pengurusan matang mengikut hukum-hukum tersebut dilaksanakan. Sertifikat matang pada pagi ini bukan lagi boleh di Malaysia seperti negara-negara seperti M-E77, banyak perlepasan pengangguran belum berjaya dalam bidang Forensik serta sebaliknya.



Topik : Fiqh Forensik : Antara Hidup dan Yang Mati

Penulis : Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Dr. Faridah Mhd Nor, Dr. Aspaliah Alias

Read & Relax@PTAR Tapah kali ini berkongsi mengenai buku Fiqh Forensik : Antara Hidup dan Yang Mati. Buku ini menjawab persoalan mengenai prosedur dan hukum dalam menguruskan jenazah orang Islam dari sudut forensik dan pada masa yang sama dari sudut pandangan Islam. Teknik penulisan yang mudah difahami amat sesuai untuk dibaca oleh semua peringkat umur dan khususnya bagi yang meminati bidang forensik. Terdapat 21 persoalan mengenai pengurusan matang mengikut syariat Islam dan jawapannya terkandung di dalam buku ini. Buku ini juga ditulis oleh individu yang mahir dalam bidang masing-masing seperti Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri yang merupakan bekas Muli Wilayah Persekutuan dan sememangnya mempunyai ilmu yang luas dalam Agama Islam. Selain itu, Dr. Faridah Mhd Nor ialah Pakar Perunding (Patologi Forensik) dan merupakan Ketua Unit Forensik di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dr. Aspaliah Alias merupakan Timbalan Dekan Fakulti Pergigian di Universiti Sains Islam Malaysia dan memiliki PhD dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Patologi. Perbincangan mengenai bidang Forensik dan Agama Islam dalam buku ini dilihat amat menarik untuk dibaca kerana kedua-duanya berkait rapat dalam kehidupan sehari-hari kita di mana setiap hari kita akan mati sebelum dihidupkan semula untuk dihitung segala amal kebaikan dan kejahatan yang telah dilakukan di dunia ini.

HIGHEST DEMAND
BOOK@PTAR TAPAH

HIGHEST DEMAND BOOK

Questions & Solutions:
Fundamentals of Physics 2

Series: Questions & Solutions
Author: Iman Syahruddin Zain et al.
ISBN: 9789674146465
Year: September 2016
Publisher: Pearson
Format: Digital Copy
Call No.: QC21.2.J16 2016

Questions & Solutions: Fundamentals of Physics 2 is a revision book written in question and answer format and is specially tailored for students taking introductory Physics courses in local institutions of higher education. Each chapter in the book is divided into four sections: brief notes, solved questions, exercises and answers. The exercises are designed to test one's own understanding of the concepts. The model solutions serve to develop and sharpen students' reasoning skills while the exercises provide further practice. Designated as such, it can facilitate instant learning. This is a practical book for revision purposes. Allotted, this book contains more than 200 questions with fully worked solutions.

0 likes · 17 views · 0 comments · 0 shares

Highest Demand Book@PTAR Tapah merupakan salah satu inisiatif PTAR Kampus Tapah untuk mempromosikan bahan bacaan yang terdapat di PTAR Kampus Tapah kepada pengguna, khususnya pelajar dan staf akademik. Sebuah buku pada setiap bulan akan senaraikan sebagai Highest Demand Book mengikut jumlah pinjaman tertinggi dan dihebahkan kepada pelajar dan semua staf UITM Tapah.

Dengan inisiatif ini, semua pengguna dapat mengetahui dengan lebih tepat mengenai bahan bacaan yang popular terdapat di PTAR Kampus Tapah. Secara tidak langsung, bahan bacaan PTAR Kampus Tapah dapat dihebahkan kepada pengguna. Di samping itu, Highest Demand Book ini akan dihebahkan melalui semua platform seperti emel dan media sosial.

Diharap inisiatif seperti ini dapat menarik minat pengguna untuk datang ke PTAR Kampus Tapah dan menggunakan bahan bacaan yang ada.

MAJLIS PERPISAHAN, SELAMAT DATANG & SAMBUTAN HARI LAHIR

24 OGOS 2020

إِقْرَأُ

BERITA

Disediakan oleh : Muhamad Azim bin A'nsori



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar



Ibrangutai

Ibrangutai

utmlibrary

Perpustakaan UTM



Setiap pertemuan, pasti akan ada perpisahan. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menganjurkan Majlis Perpisahan, Selamat Datang & Sambutan Hari Lahir (Julai – September) pada 24 Ogos 2020 (Isnin) pada jam 11.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Majlis ini dianjurkan sebagai tanda penghargaan kepada Encik Hibatur Rahman bin Jamaludin & Puan Norazlina binti Bain di atas komitmen dan kerjasama mereka sepanjang perkhidmatan di UiTM. Selain itu, majlis ini juga meraikan Encik Asraf Zamani bin Hazim yang menjawat jawatan Pustakawan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam. PTAR Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar turut mengambil kesempatan ini dalam meraikan kehadiran 2 orang Pustakawan iaitu Cik Nur Dayana binti Mohd Narwawi & Encik Muhamad Azim bin A'nsori. Majlis Sambutan Hari Lahir bagi bulan Julai – September turut dijalankan pada hari tersebut.

READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR BUKU BILANGAN 1

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Read & Relax

• Buku buku ini ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca.

• Buku ini mengandungi sejuk-sejuk tanda-tanda kecil & besar hari kiamat. Dapat merujuk al-Maghfirah (rusuk rebah), Yajur dan Makruh dan bagaimana seluruhnya dilihat dari Rasul.

• Penulis buku ini menganggapkan hadis-hadis yang lazak berbentuk tanda-tanda hari kiamat supaya pembaca lebih memahami dan yakini terhadap peristiwa-peristiwa yang akan terjadi.

• Setiap hadis yang dibentangkan telah membuktikan tarikh dan masa kiamat masih pun berlaku sata hari ini. Ia merupakan hadis yang benar dan seluruhnya negatif cawat halare sajaja kita tidak terperosi dan berada di jalin yang benar.

DESKRIPSI

KANDUNGAN

TEKNIK PENYAMPAIAN

RUMUSAN

STAY CONNECTED ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

library.perak.utm.edu.my

brary.utmperak

library.utm.perak

ibutlisperak

Islam memberikan perhatian terhadap **kejadian masa hadapan** serta **keadaan huru-hara** yang bakal berlaku terhadap umat Islam menerusi keterangan al-Quran dan al-Sunah. Perkara ini turut diberi keutamaan oleh para sahabat dan para ulama selepas mereka. Kini, perbahasan berkenaan perkara ini semakin hangat diperkatakan, terutama berkenaan situasi masa hadapan yang bakal berlaku. Hal ini memberikan harapan kepada umat dalam menghadapi kemunduran dewasa ini, yang turut sama dirasai oleh manusia sejagat. Penulisan Prof. Dr. Sharaf Mahmud Muhammad Al-Qudhah ini dibahagikan kepada pendahuluan dan dua bahagian utama iaitu (1) Pendahuluan; Mengandungi perbahasan berkenaan objektif, kepentingan, sejarah, sumber dan kategori berkaitan tajuk, (2) Bahagian Pertama; Kaedah berinteraksi dengan hadis masa hadapan dan (3) Bahagian Kedua; Hadis-hadis terpenting berkaitan Kronologi Kiamat.

Disediakan oleh : Muhamad Azim bin A'nsori

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Perak, Kampus Seri IskandarPerpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar

librarytun

library

ultra

perpustakaan

STAY CONNECTED

LIBRARY | ANYTIME | ANYWHERE

Read & Relax

DESKRIPSI

- Latar peristiwa buku ini berasaskan budaya
di seluruh dunia, termasuk dalam masyarakat
diluar Malaysia.

KANDUNGAN

- Kepada kaum berhutang, kewajipan membayar hutang
dan pengalaman hutang dari sudut pandangan
pelajar.

TEKNIK PENYIMPANAN

- Buku ini perolehan adalah ringkas dan padat. Gaya
penulis senang dilihat dan perenungan
penulis tentang hutang mengalir jalan.

RUMUSAN

- Buku ini sangat sesuai untuk mengintroduksikan tentang
kepentingan membayar hutang dan
kejayaan membalik hutang.



library.perak.ultra.edu.my



library.ultra.perak



library.ultra.perak



libraryultra

Dalam kehidupan moden zaman sekarang ini, lumrahnya kita tidak dapat lari dari berhutang. Dengan keadaan kos kehidupan yang meningkat, untuk memiliki asa keperluan kehidupan, kadang kala kita terpaksa berhutang. Kita berhutang ketika membeli rumah. Kita berhutang ketika membeli pekakas dan perabot rumah. Kita berhutang ketika membeli kenderaan. Kita berhutang ketika berniaga. Hutang menjadi satu perkara yang sukar kita hindarinya. Hitunglah sekarang berapa besar hutang anda. Wajarkah anda menambahkan jumlahnya sedangkan hutang yang lama belum tentu terbayar? Beranikah kita memastikan bahawa esok lusa kita masih hidup.

READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR
BUKU BILANGAN 3Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Cawangan Perak

Kampus Seri Iskandar

STAY CONNECTED

LIBRARY | ANYTIME | ANYWHERE

Read & Relax

DESKRIPSI

- Latar peristiwa buku ini berasaskan peristiwa
di bumi untuk mendidik anak-anak dengan
semangat.

KANDUNGAN

- Mengintroduksi tentang ibadah solat dan
moral teladan Nabi SAW untuk solat.
- Tip-tip berguna dan praktikal untuk latihan
solat supaya mudah dan dikemas menggunakan ilmu
dari orang tuah.

TEKNIK PENYIMPANAN

- Penerangan tentang dasar-dasar tentang
solat dan teknik solat untuk memudahkan latihan solat.

RUMUSAN

- Dikemas dengan gambaran dan teks mudah
dan teknik solat untuk memudahkan latihan solat.



library.perak.ultra.edu.my



library.ultra.perak



library.ultra.perak



library.ultra.perak



libraryultra

Buku Anakku vs Solat ialah terjemahan daripada buku Kaifa Nurobbii Aulaadanaa 'ala Ash-Sholaah ('Amaliyyan wa 'Ilmiyyan) karya Mushtaha Abul Mu'athi. Ia menghuraikan pelbagai hal berkaitan solat, lengkap dengan teori pengajaran solat. Tip-tip berguna dan praktikal untuk melatih anak anda supaya istiqamah dalam melaksanakan ibadah solat. Kaedah pengajaran berupa contoh teladan daripada kisah Nabi SAW dan para sahabat terdahulu dalam mendidik anak tentang solat. Memberi panduan khusus untuk anda dalam mendidik anak merangkumi kesemua aspek hidup dan bukan sahaja dalam aspek solat. Rekaan yang tersusun dan menarik memudahkan pemahaman anda. Jadikan buku ini sebagai bahan tazkirah bersama keluarga, pelajar atau rakan-rakan.

Disediakan oleh : Muhamad Azim bin A'nsori

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

Read & Relax

- DESKRIPSI**
 - Latar penulis buku ini telah mendapat pengalaman di atas.
- KANDUNGAN**
 - Jenis-jenis pokok Orkid termasuk gambaran, pembedahan pokok dan teknik tanam lahan bagi tanam dan hasilnya.
- TEKNIK PENYAMPAIAN**
 - Penulis ingin memberi saran dan teknik teknik penyampaian pokok-pokok dan hasilnya yang perlu dilakukan untuk mendapatkan hasil yang baik.
- RUMUSAN**
 - Diketahui seorang penulis bagi penyelesaian alam dan hasil menghasilkan maklumat semula jadi.

STAY CONNECTED
anywhere | anytime | anyone

library.perak.ultra.edu.my library.ultra.perak library.ultra.perak library.ultra

Orkid merupakan salah satu bunga yang cantik dan unik di dunia. Ini kerana, orkid mempunyai pelbagai jenis dan spesies serta warnanya. Dalam buku yang bertajuk "Orkid" ini penulis mencatatkan bahawa di Malaysia sahaja terdapat lebih daripada 120 genus dan 800 spesies orkid hutan/liar. Di Sabah dan Sarawak terdapat lebih kurang 2000 spesies orkid, malah kebanyakannya ini terkenal di pasaran antarabangsa. Orkid juga mempunyai nama tersendiri mengikut jenis dan spesiesnya. Orkid sangat sesuai untuk dijadikan sebagai tanaman hiasan dalam atau luaran kerana keratannya boleh bertahan sekurang-kurangnya dalam tempoh seminggu. Dalam buku ini juga penulis menjelaskan tentang keperluan penanaman dan pertumbuhan orkid. Buku ini sangat menarik dibaca oleh semua lapisan masyarakat terutama sekali kepada yang meminati bunga orkid, seterusnya memberi panduan tentang cara penanamannya agar menjadikan halaman rumah lebih berseri.

READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR BUKU BILANGAN 5

Read & Relax

- KANDUNGAN**
 - Latar penulis buku ini telah mendapat pengalaman.
- DESKRIPSI**
 - Keagamaan, Kewirausahaan dan Muzik.
- TEKNIK PENYAMPAIAN**
 - Melalui penulis ia mampu mendakwah hasil kewirausahaan dengan percaya telatah dan mengalih alih percaya telatah.
- RUMUSAN**
 - Ia bukan merupakan sejarah remaja yang mengandungi sejarah dan perkembangan sejarah tetapi ia mengandungi sejarah mengenai pengaruh dan akhirnya peristiwa historis.

STAY CONNECTED
anywhere | anytime | anyone

Cinta Tiga Segi a0teAr0a
LEGACY JAHAN PERJALANAN
Diketahui oleh Ahmad Fazlani Mohd. Noor
AHMAD FAZLANI MOHD NOOR
TRAVELLOG

library.perak.ultra.edu.my library.ultra.perak library.ultra.perak library.ultra

Travelog 'a0teAr0a' menceritakan pengalaman di tahun kedua universiti di mana kecemerlangan Ahmad di tahun pertama memungkinkan dia diberi peluang untuk mencepatkan pengajian ijazah pertama dan seterusnya sarjana lebih awal. Pengalaman bekerja dalam industri perbankan yang menjadi pendahulu penggunaan teknologi komputer menambahkan ilmu dan kepakaran. Awal perkembangan teknologi dan penggunaan 'Internet' juga memberi kesempatan untuk Ahmad meneroka lebih jauh. Kisah percintaan remaja bersambung dengan rintangan dan perubahan arah haluan. Keterbukaan minda dan gelombang perasaan mengiringi perpisahan dan jalinan persahabatan baru. Turut diselitkan pelbagai kisah kehidupan pelajar dan realiti di tanah air.

PERSIAPAN PERTANDINGAN HIASAN MERDEKA DAN SAMBUTAN KEMERDEKAAN 2020

27 OGOS 2020

إقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Sempena bulan Kemerdekaan Malaysia tahun 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh tidak ketinggalan bergotong-royong menghias ruangan di dalam perpustakaan. Gotong-royong ini melibatkan kakitangan perpustakaan daripada Unit Perkhidmatan Pelanggan dan dibantu oleh beberapa orang kakitangan daripada unit lain.

Selain daripada mengindahkan ruangan perpustakaan, hiasan yang dibuat kali ini adalah untuk menyertai Pertandingan Hiasan Merdeka dan Pertandingan Video "Merdekakah Kita" anjuran Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTMCPP.

Hiasan kali ini berkonsepkan kolaj dan PTAR mengambil inisiatif untuk mengadakan Pameran Koleksi Sajak-sajak Kemerdekaan hasil karya Tongkat Warrant (Usman Awang, A. Samad Said dan lain-lain untuk menghayati erti kemerdekaan daripada sudut karya seni.



PAMERAN MAYA : FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA (BAHAGIAN 1)

6 OGOS 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Sepanjang bulan Ogos 2020, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan pameran secara maya berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19 yang bertajuk Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Pameran ini terbahagi kepada 3 bahagian dan telah dipamerkan sepanjang bulan Ogos hingga awal September.

Pameran ini diadakan untuk berkongsi maklumat-maklumat tentang tempoh-tempoh PKP yang telah dijalankan sepanjang Malaysia mengekang penularan Covid-19 ini.

Pameran ini boleh diakses melalui pautan <https://anyflip.com/xtkl/qlq/> ataupun diakses melalui laman web PTAR Penang di pautan <https://penang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions/189-pkp-1>

The poster features the title "PAMERAN MAYA : FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA" in large, bold, black font. Below the title is a stylized illustration of four people wearing face masks standing in front of a city skyline. At the bottom left is the logo for "UITM di akses" and at the bottom right is the logo for "PTAR stayconnected staysafe staystrong". The background is a light blue color.

PAMERAN MAYA : FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA - BAHAGIAN 2

19 OGOS 2020



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Berikan Kelebihan

PAMERAN MAYA FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA

Bahagian 2



UITM di akses

PTAR

stayconnected staysafe
staystrong

Sepanjang bulan Ogos 2020, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan pameran secara maya berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19 yang bertajuk Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Pameran ini terbahagi kepada 3 bahagian dan telah dipamerkan sepanjang bulan Ogos hingga awal September.

Pameran ini diadakan untuk berkongsi maklumat-maklumat tentang tempoh-tempoh PKP yang telah dijalankan sepanjang Malaysia mengekang penularan Covid-19 ini.

Pameran ini boleh diakses melalui pautan <https://anyflip.com/kqwfx/okqd/> ataupun diakses melalui laman web PTAR Penang di pautan <https://penang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions/189-pkp-2>

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau PinangLIVE
Bragate Bragate alihbaray Perpustakaan PTAR

Syafiah Bakaruddin

Program PTAR UiTM Pulau Pinang (I)

LIVE@PTAR

Gakna Ubat: Nak Simpan Ke Tidak?

PTAR SAPIENS

Perpustakaan Tun Abdul Razak

10 minutes ago

Tarikh: 10 Ogos 2020 | Teman: 10,471 | Mesej: 10,471 | Lihat: 10,471 | Sumbang: 0

Watching Now

Like Comment Share Up Next

Like - 408 · 0 Comment

Share This Advertised Post

Live - Only 1 hour left

Follow PTAR Universiti Teknologi MARA to see more of their posts.

Janet Fonkwa, Mersadi Shamsuddin and Ching Y Hassan liked this.

WRT 1 comment...

Program Live@PTAR, Segmen Bersama Alumni kali ini telah menjemput alumni UiTM Cawangan Pulau Pinang, Puan Sya'fiah Bakaruddin, Pegawai Farmasi yang bertugas di Klinik Kesihatan Putrajaya, Presint 18 bersama Puan Farleen Azrina Zamberi selaku moderator. Tajuk Cakna Ubat : Nak Simpan ke Tak? merupakan tajuk perbincangan yang dibincangkan dalam tempoh satu jam bersiaran di FB Live dan YouTube.

Puan Sya'fiah telah menerangkan tentang cara-cara penyimpanan ubat di rumah dan sekiranya berada dalam perjalanan yang memerlukan pengambilan ubat secara berterusan. Selain itu, beliau juga berkongsi tentang fakta dan mitos yang berkaitan dengan penyimpanan ubat-ubatan serta menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh para peserta program yang diberikan melalui komen di Facebook dan YouTube. Live@PTAR ini boleh diulang lihat di akaun YouTube PTAR UiTMCP di pautan <https://www.youtube.com/watch?v=DK-4kop9dIQ>

FOLLOW US

LIVE@PTAR

PTAR SAPIENS

Perpustakaan Tun Abdul Razak

10 minutes ago

Tarikh: 10 Ogos 2020 | Teman: 10,471 | Mesej: 10,471 | Lihat: 10,471 | Sumbang: 0

Watching Now

Like Comment Share Up Next

Like - 408 · 0 Comment

Share This Advertised Post

Live - Only 1 hour left

Follow PTAR Universiti Teknologi MARA to see more of their posts.

Janet Fonkwa, Mersadi Shamsuddin and Ching Y Hassan liked this.

WRT 1 comment...

MITOS & FAKTA PENYIMPANAN UBAT-UBATAN

MITS 1

FAKTA 1

FAKTA 2

Takut

Farleen Azrina Zamberi

LIVE@PTAR

PTAR SAPIENS

Perpustakaan Tun Abdul Razak

10 minutes ago

Tarikh: 10 Ogos 2020 | Teman: 10,471 | Mesej: 10,471 | Lihat: 10,471 | Sumbang: 0

Watching Now

Like Comment Share Up Next

Like - 408 · 0 Comment

Share This Advertised Post

Live - Only 1 hour left

Follow PTAR Universiti Teknologi MARA to see more of their posts.

Janet Fonkwa, Mersadi Shamsuddin and Ching Y Hassan liked this.

WRT 1 comment...



PROGRAM LIBRARY OUTREACH@PTAR BERSAMA FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

18 OGOS 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam

LIVE



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau Pinang



The screenshot shows a Google Meet interface. At the top left, there are 'REG' and 'LOG IN' buttons. The title 'LIBRARY OUTREACH @ PTAR' is displayed prominently. Below the title, it says 'FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL'. The date '18 Ogos 2020 (Selasa) | 10.00pg - 11.30pg' and platform 'Google Meet' are mentioned. A QR code is provided for joining. The video feed shows a woman speaking. On the right side, there is a 'Meeting details' sidebar listing 32 participants with their profile pictures and names.

Program Library Outreach@PTAR yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 11.30 pagi ini adalah bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan perpustakaan yang terkini dan memberi kemudahan untuk membantu aktiviti pembelajaran dan pengajaran para pensyarah di UiTM Cawangan Pulau Pinang amnya dan khususnya kepada para pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Di dalam program ini, terdapat 5 modul yang diterangkan iaitu pengenalan kepada perkhidmatan perpustakaan, proses cadangan pembelian bahan perpustakaan menggunakan Sistem WILS, Repozitori Universiti, Sokongan Penyelidikan dan Perpustakaan Digital PTAR.

Modul-modul ini disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pustakawan Kanan Unit Perkhidmatan Pelanggan, Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Unit Perancangan dan Pembangunan Perpustakaan dan Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan Unit Perpustakaan Digital.

The screenshot shows a Google Meet session with multiple participants. A central slide displays the text 'PERPUSTAKAAN DIGITAL' and 'PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK'. The video feeds show several participants, and the right side of the screen shows a list of participants and a 'Meeting details' sidebar.

TAKLIMAT MENGHADAPI CABARAN COVID19 DI KEDAH

13 OGOS 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Cawangan Kedah



Ibraguita

Ibraguita

ulibary Perpustakaan KEDAH



Pada 13 Ogos 2020, taklimat menghadapi cabaran Covid19 di Kedah telah diadakan. Taklimat diberikan oleh Ketua Perpustakaan PSB, puan Azizah Khasim berkenaan Covid19 yang telah dikenalpasti kes telah berlaku di Kedah . Taklimat ini adalah bagi tujuan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh staf jika terlibat dengan kawasan atau orang terdekat. Objektifnya adalah agar staf telah sedia maklum dengan langkah pencegahan dan tindakan yang perlu diambil sekiranya terlibat dalam situasi ini.

MAJLIS PERSARAAN DAN SAMBUTAN HARI LAHIR STAF PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

19 OGOS 2020



Pada 19 Ogos 2020, Majlis Persaraan dan Sambutan Hari Lahir Staf Perpustakaan Sultan Badlishah telah dijalankan. Sebagai mengenang jasa staf perpustakaan, PSB telah mengadakan Majlis Jasamu Di Kenang sempena persaraan awal En Mohd Zainy Omar iaitu Pembantu Operasi yang telah berkhidmat di PSB. Majlis Sambutan Hari Lahir juga turut diraikkan oleh semua staf PSB.

LAWATAN PENANDAARASAN

PENSYARAH KOLEJ VOKASIONAL MUADZAM SHAH

28 JULAI 2020

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pahang

perpustakaang



libraryalbukhari



libraryalbukhari

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Pada 28 Ogos 2020 (Jumaat), Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang menerima lawatan penandaarasan daripada Pensyarah Kolej Vokasional Muadzam Shah. Lawatan ini melibatkan 15 orang pensyarah yang berbagai bidang pengajaran. Lawatan penandaarasan ini bertujuan untuk berkongsi idea dan proses kerja yang terlibat dalam skop sumber pembelajaran yang melibatkan perpustakaan.

Antara pekerja yang dibincangkan termasuklah perancangan kolaborasi rakan strategik diantara Perpustakaan Al-Bukhari dan Kolej Vokasional Muadzam Shah.

01

lawatan sekitar
Perpustakaan
Al-Bukhari 1 & 2,

melihat infrastruktur
yang
disediakan
di Perpustakaan Al-Bukhari

02

PENGISIAN
LAWATANmelihat sistem
yang digunakan
di Perpustakaan
Al-Bukhari

04

melihat koleksi
bahan yang
terdapat
di Perpustakaan
Al-Bukhari

PROGRAM "KNOWLEDGE SHARING" AT PAB ATAU KS@PAB PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

اقرأ

06 OGOS 2020

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

BERITA



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

MAXIMUM 5 SLIDE:

DO YOUR BEST TO DESIGN

Your Infographic SLIDE for Haji & Umrah in KSePAB

KNOWLEDGE SHARING (KS)
®
PERPUSTAKAAN
AL-BUKHARI

6 AUGUST 2020 | 11.00AM
GOOGLE MEET PLATFORM

Borrow
Your Book

Pada 06 Ogos 2020 (Khamis), Perpustakakaan Al-Bukhari (PAB) telah mengadakan satu Program Knowledge Sharing at PAB atau secara ringkas ialah KS@PAB. Program ini merupakan siri ke-3 yang telah dijalankan kepada staf Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang UiTM Cawangan Pahang dimana kami menitikberatkan tentang penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan staf PAB.

Knowledge Sharing at PAB atau KS@PAB ini diadakan secara atas talian dengan mengabungkan semua staf perpustakaan Kampus Jengka & Kampus Raub. Setiap peserta perlu membentangkan slide dengan tajuk yang telah ditetapkan berdasarkan buku yang terdapat di dalam Perpustakaan Al-Bukhari. Tajuk yang diberikan berkaitan Haji dan Umrah. Seramai 29 orang staf yang terlibat dalam program ini.



GERAK GEMPUR EKSA (EKSA@PAB) PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 06 OGOS 2020

Pada 06 Ogos 2020 (Khamis) satu aktiviti gotong-royong gerak gempur Eksa di Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang yang diketuai oleh pengurus EKSA Hajah Rosnita Ita Ja'afar telah dijalankan.

Aktiviti ini adalah bertujuan untuk memastikan persetikaran perpustakaan sentiasa bersih dan tersusun. Tempat-tempat yang menjadi tumpuan adalah seperti sekitar luar perpustakaan, ruang simpanan fail serta stor simpanan bahan lopus.

Seramai 20 orang staf di Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah sama-sama berganding bahu dalam aktiviti gotong-royong gerak gempur EKSA ini yang mana tujuan asal adalah memastikan kecerian sekitar perpustakaan ini terus terjaga.



SAMBUTAN MAJLIS PENYERAHAN BENDERA MALAYSIA, UITM CAWANGAN PAHANG

07 OGOS 2020

إقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

Pada 07 Ogos 2020 (Jumaat) UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan Majlis Penyerahan Bendera sempena Bulan KEMERDEKAAN Malaysia ke-63 di Kampus Jengka dan Raub.

Program Penyerahan Bendera Sempena Bulan Kemerdekaan telah diadakan di perkarangan Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang yang diserahkan oleh Prof. Ts. Dr. Mohd Ilham Adenan, Rektor UiTM Cawangan Pahang.



Program ini telah melibatkan semua bahagian atau unit dan fakulti yang ada di UiTM Cawangan Pahang. Seramai 60 orang staf terlibat dalam program ini yang mewakili bahagian atau unit dan fakulti.



BENGKEL KEMAHIRAN MICROSOFT EXCEL@PAB ANJURAN PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

07 OGOS 2020



Pada 07 Ogos 2020 (Jumaat) Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan Bengkel Kemahiran Microsoft Excel di bilik IT, PAB. Bengkel ini hanya melibatkan staf Perpustakaan Al-Bukhari sahaja dan merupakan bengkel ICT siri pertama sepanjang tahun 2020. Bengkel ini di telah disampaikan oleh Encik Mohd Ismai bin Zanuddin yang merupakan Pembantu Pustakawan, Perpustakaan Al-Bukhari sendiri.



Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memahirkkan dan memberi lebih pemahaman kepada staf PAB dengan lebih terperinci berkaitan microsoft excel serta formula terkini yang diguna pakai dalam melaksanakan tugas harian. Seramai 20 orang staf perpustakaan telah menyertai bengkel ini termasuk Pustakawan.



PROGRAM "KNOWLEDGE SHARING" AT PAB ATAU KS@PAB PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 06 OGOS 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG



Pada 13 Ogos 2020 (Khamis) Perpustakaan Al-Bukhari telah mengeluarkan Koleksi-koleksi "NEW ARRIVAL@PAB" atau bahan bacaan baru iaitu koleksi novel melayu yang telah dikeluarkan dan dipamerkan di ruang pameran Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang.

Ada antaranya koleksi novel-novel ini adalah penulisan dari penulis-penulis yang

dikenali dan menjadi "Best Seller" serta sering mendapat perhatian pembaca.

Koleksi-koleksi ini telah sedia untuk di pinjam oleh semua warga UiTM Cawangan Pahang. Jumlah keseluruhan buku baru yang dikeluarkan adalah sebanyak 80 naskah dengan pelbagai tajuk bagi bulan Ogos 2020.

PERSIAPAN PAMERAN BUKU BULAN MERDEKA, PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 17 OGOS 2020

Pada 17 Ogos 2020 (Isnin) Aktiviti gotong-royong menyiapkan Pameran Buku sempena Bulan Kemerdekaan MALAYSIA menyambut Hari Kemerdekaan yang ke 63 tahun.



Gotong-royong ini bersama staf Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang di mana proses dari menyediakan meja, papan layar, poster-poster kemerdekaan, buku-buku berkaitan tokoh serta kemerdekaan dan kekemasan kawasan pameran.

Pameran diadakan dan dipamerkan di Ruang Legar dan pintu masuk utama Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang.



Staf yang terlibat dalam penyediaan maklumat dan peralatan pameran seramai 6 orang.



25 OGOS 2020

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG



Pada 25 Ogos 2020 (Selasa), Sempena Tahun Islam 1442 Hijrah, Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah menyediakan satu pameran maya bertajuk: "Sambutan Maal Hijrah 1442H" buat semua warga UiTM.

Pameran ini disediakan secara maya yang boleh diakses menggunakan Kod QR dan pautan: <https://pahang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions> untuk mengakses bahan pameran yang disediakan. Terdapat 16 helai muka surat yang berkaitan penghijrahan dan sejarah serta maklumat berkaitan hijrah yang boleh dibaca secara atas talian.



RUJUKAN PANTAS PENSYARAH BARU, UITM CAWANGAN PAHANG 25 JULAI 2020



Pada 25 Ogos 2020 (Selasa), 2 orang staf baru telah melapor diri sebagai pensyarah di UiTM Cawangan Pahang. Semua staf akademik dan staf pentadbiran baru perlu menjalani sesi suai kenal bersama ketua bahagian dan fakulti dan tidak ketinggalan juga mendapatkan maklumat terkini di PAB.

Di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang, sesi taklimat ini akan memberi pelbagai maklumat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan kepada semua staf.

Antaranya ialah kaedah penggunaan "Online Database" maklumat yang ada dalam laman web PAB serta khidmat rujukan pantas.

Objektif aktiviti ini dilakukan adalah untuk menyampaikan setiap maklumat dan perkhidmatan terkini serta kemudahan yang ada. Taklimat Rujukan telah disampaikan oleh Encik Mohd Fadhl bin Samsuddin, Pustakawan Kanan Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang.



Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

Pada 17 Ogos 2020 (Isnin), Sempena menyambut bulan kemerdekaan ini Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah menyediakan satu pameran maya bertajuk: "Bulan Kemerdekaan, Malaysia Prihatin" buat semua warga UiTM secara atas talian di laman sesawang Perpustakaan Al-Bukhari.



Pameran ini boleh diakses menggunakan Kod QR atau paulton <https://pahang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions> yang disediakan.

Terdapat 15 helai muka surat yang berkaitan Sambutan Bulan Kemerdekaan dan foto-foto suasana ketika majlis penyerahan bendera Malaysia yang boleh dilihat dan dibaca secara atas talian.

Koleksi-koleksi ini telah sedia untuk di pinjam oleh semua warga UiTM Cawangan Pahang. Jumlah keseluruhan buku baru yang dikeluarkan adalah sebanyak 80 naskah dengan pelbagai tajuk bagi bulan Ogos 2020.



PAMERAN BUKU SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN 19 OGOS 2020

Pada 19 Ogos 2020 (Rabu) Bersempena Bulan Kemerdekaan Malaysia yang ke 63 tahun, Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan satu pameran di ruang legar di dalam perpustakaan bertajuk: Pameran Buku Sempena Bulan Kemerdekaan.



Maklumat yang disampaikan di dalam pameran ini ialah berkaitan kemerdekaan dan tokoh dalam memperjuangkan kemerdekaan Malaysia. Selain itu, dipamerkan juga buku-buku tokoh kemerdekaan dan tokoh-tokoh dalam islam.



Pameran juga disediakan secara maya. Sila layari di pautan: <https://pahang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions> untuk mengakses bahan pameran.



Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
Cawangan Terengganu

Pelaksanaan 'Library Street Programme' ini merupakan penjenamaan semula program Perpustakaan Bergerak Perpustakaan Cendekian Kampus Dungun. Ianya memuatkan beberapa aktiviti menarik seperti cabutan pengunjung bertuah serta kuiz santai. Inisiatif ini adalah antara usaha pihak Perpustakaan UiTMCT bagi meningkatkan bilangan penggunaan bahan perpustakaan serta bilangan pengguna merujuk sistem perpustakaan.

Diadakan di luar bangunan perpustakaan iaitu di Laman Korporat Bangunan Integriti, program ini membawa bahan perpustakaan kepada pengguna sasar untuk bacaan santai mahupun pinjaman di tapak program. Program sepanjang dua hari ini telah menerima kunjungan lebih daripada lima puluh orang pengunjung. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

SESI RESENSI BUKU PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITMCKD BIL.1/2020



Sebagai salah satu dari inisiatif program galakan membaca, Perpustakaan Cendekian Kampus Dungun telah menerbitkan video rakaman resensi buku pilihan yang boleh diakses melalui platform YouTube. Video yang berdurasi 55 minit 28 saat ini memuatkan resensi pelbagai genre buku daripada tujuh orang staf perpustakaan.

Program ini adalah bertujuan untuk pembudayaan ilmu sahaja. Sebarang komen dan pendapat peribadi pembaca dan bukanlah pendirian universiti.

Sila imbas kod QR pada poster untuk menonton.

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah



PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
Cawangan Terengganu



Sila imbas kod QR
untuk paparan maklumat.



SEJARAH & TOKOH PEJUANG KEMERDEKAAN DARUL IMAN

Sempena bulan kemerdekaan Malaysia ke-63, eInfo Discovery@Library Vol.4/2020 membawakan topik Sejarah & Tokoh Darul Iman. Penerbitan pameran maya Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun kali ini memaparkan maklumat sejarah bagi memperingati perjuangan antara tokoh kemerdekaan negeri Terengganu serta menyemarakkan lagi rasa cinta kepada tanah air. Maklumat lanjut sila imbas kod QR pada poster.

Semoga bermanfaat.

UCAPAN SELAMAT HARI MERDEKA KE-63 DARIPADA WARGA PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU



Pihak pengurusan dan warga kerja Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu mengucapkan Selamat Hari Merdeka ke-63 sempena Hari Kebangsaan Malaysia kepada semua warga UiTM khususnya. Semoga semangat cintakan negara terus membara di hati kita semua.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
Cawangan Terengganu

LIVE



perute_ipmu perute_ipmu perute_ipmu Perpustakaan UTM



Pada 19 Ogos 2020 (Selasa) yang lalu, telah berlangsung satu Program *LIVE@PTAR* anjuran Perpustakaan Cendekian UITM Cawangan Terengganu Kampus Dungun melalui Segmen Bicara Buku. Program yang dikendalikan oleh En. Shahrol Nizam Johol sebagai moderator ini membincarakan tentang topik '**Buku Mengubah Kehidupan**' bersama-sama tiga orang panel jemputan iaitu Puan Nik Fazlin Nik Jaafar, Puan Siti Aisyah Che Kar, dan En. Khairudin Mohd Thani.

Program yang berlangsung selama satu jam empat puluh lapan minit ini mengupas tentang impak penulisan dan pembacaan buku khususnya dalam mengubah kehidupan. Diharapkan perkongsian ini memberi manfaat kepada semua. Video rakaman program masih boleh ditonton dengan mengimbas kod QR pada poster.

PROGRAM LIBRARY OUTREACH PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS, UITM CAWANGAN KELANTAN

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Muslim bin Ismail



PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
Cawangan Kelantan



Aktiviti Library Outreach telah diadakan ke Unit Komunikasi Korporat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan dengan mempromosikan Virtual Reference Desk via Google Meet. Kunjungan program ke unit tersebut telah dibuat pada Khamis 6 Ogos 2020. Kunjungan staf Perpustakaan Tengku Anis ke pejabat Koordinator Komunikasi Korporat, Cik Siti Nor Adawiah Hussin juga membincangkan program siaran langsung wacana bersama Tun Ahmad Sarji yang akan dijalankan pada akhir Ogos nanti.

KUNJUNGAN LIBRARY OUTREACH KE PEJABAT REKTOR UITM CAWANGAN KELANTAN 11 OGOS 2020



Satu kunjungan ke Pejabat Rektor telah diadakan pada 11 Ogos 2020 dengan tujuan mempromosikan Virtual Reference Desk via Google Meet. Kunjungan ke pejabat Prof Madya Dr Zulkifli Mohamed telah dijalankan oleh rombongan pustakawan, Pn Alina Hussein dan En Muslim Ismail bagi membincangkan program wacana ambang merdeka bersama Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid. Kunjungan ini juga membincangkan aktiviti perpustakaan bergerak yang berinovasi iaitu Library2U iaitu konsep pesan dan hantar buku ke pejabat dan bahagian kampus.



SEGMENT BICARA TOKOH "WACANA AMBANG MERDEKA DAN BICARA BUKU SENIMAN AGUNG P RAMLEE BERSAMA TUN AHMAD SARJI" 28 OGOS 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Muslim bin Ismail

LIVE



PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
Cawangan Kelantan



Universiti

Universiti

Universiti

Universiti

Universiti

Universiti



UiTM Kelantan

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

@ptauitmkelantan

SEGMENT : WACANA INTELEKTUAL

WACANA AMBANG MERDEKA DAN BICARA BUKU SENIMAN AGUNG P.RAMLEE

2020



UCAPAN PENGUKAAN:
PROF. MADYA DR.
ZULKIFLI MOHAMED
P.RAMLEE

PENGETAHUAN DAN KONSEP PENGETAHUAN DALAM KEGIATAN PUSAT PENGETAHUAN

PANEL:

YABHO, TUN AHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID

PROFESOR
INSTITUT KETAHUANIA COLLEGE MALAYSIA

MODERATOR

EN MUSLIM ISMAIL@AHMAD
PUSTAKAWAN KANAN



IMBAS KOD QR
DI BAWAH

LIVE



<https://www.facebook.com/ptauitmkelantanlive>

LIVE



https://www.youtube.com/watch?v=986_MH8E15Y

TARIKH:
**28 OGOS 2020
(JUMAAT)**

MASA:
9.30 PAGI - 10.30 PAGI

TERBUKA KEPADA SEMUA

◀ ▶ ▶▶
⚙️ □ □□

Pada 28 Ogos 2020, telah berlangsung wacana ambang merdeka bersama tokoh negarawan Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid. Wacana tersebut membincarkan bicara buku seniman agung P Ramlee iaitu buku ensiklopedia sejarah hidup P Ramlee, Erti Yang Sakti (1999). Siaran ini telah mendapat lebih 600 views dan penyertaan seramai 188 peserta.

Rakaman wacana ini boleh dilihat di pautan

<https://www.facebook.com/ptauitmkelantan/videos/1677253885763700>.

Atau Imbas Kod QR Di Sebelah



PERTANDINGAN MENULIS ESEI DAN MENCipta PUISI

12 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Hapsah Sut

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Sarawak


Dalam usaha untuk memberi penghargaan kepada Para Pewira COVID-19, Bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Sarawak telah mengadakan Pertandingan Menulis Esei dan Puisi di kalangan pelajar dan kakitangan UITM Cawangan Sarawak. Esei dan Puisi yang terpilih akan dipapar di Media Sosial (Facebook, Twitter dan Instagram) Perpustakaan.

OBJEKTIF utama pertandingan ini antaranya adalah, boleh menimbulkan kesedaran, minat dan penghayatan di kalangan pelajar dan staf UITM Cawangan Sarawak terhadap penulisan (Esei dan Puisi), menggalakkan pelajar menjalankan kajian penyelidikan dan menghasilkan karya penulisan, menyokong kempen membaca dan Kempen Read@Uni, membuka peluang kepada pelajar dan staf untuk memberi penghargaan kepada para pewira Covid19 melalui penulisan (Esei dan Puisi) Tahniah kepada Pengurus Program penulisan Esei, Cik. Amirza Suryati Binti Maliki, Pengurus Program penulisan Puisi Commelie Elmlie Anak Risip. Dan terima kasih kepada Puan Norhayati Binti Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan selaku Penasihat Program. Berikut adalah keputusan bagi pemenang Pertandingan Menulis Esei dan Mencipta Puisi "Coretan Buat Sang Perwira Covid-19". PTAR Cawangan Sarawak mengucapkan tahniah kepada semua pemenang.



TEMPAT PERTAMA :	TEMPAT PERTAMA :
Puan Radziah Ismail Tajuk Puisi : Coretan Buat Sang Perwira Covid-19	Mohamed Shafiq bin Mohd Isaa (Fakulti Sains Pertubuhan Dan Pengurusan Polis) Tajuk Esei : Coretan Buat Sang Perwira Covid-19
TEMPAT KEDUA :	TEMPAT KEDUA :
Puan Sharwanee Indraja Tajuk Puisi : Barisan Hadapan Perwira Covid-19	VOLUME ANAK SAPIER (Fakulti Sains Pertubuhan Dan Pengurusan Polis) Tajuk Esei : Coretan Buat Sang Perwira Covid-19
TEMPAT KETIGA, BERSAMA :	TEMPAT KETIGA :
Enrik Zaidi bin Mohamed Zain Tajuk Puisi : Objeksi Buat Sang Perwira-Nadiqa Sing Berkuasa	Azura Binti Bahru (Fakulti Sains Gunan) Tajuk : Esei : Coretan Buat Sang Perwira Covid-19
Puan Alma Suryati bt. Maliki Tajuk Puisi : Terima Kasih Barisan Hadapan	

TAHNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG




PAMERAN KEMERDEKAAN 18 OGOS 2020



Pada Ogos 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Sarawak, Kampus Samarah, telah mengadakan Pameran Kemerdekaan: Malaysia Prihatin. Pameran ini diadakan sempena menyambut bulan kemerdekaan & hari Kebangsaan ke-63. Pameran ini diadakan untuk menaikan semangat patriotik yang ada di dalam jiwa warga UITM Cawangan Sarawak yang bertemakan Malaysia Prihatin.


Disediakan oleh : Hapsah Sut



PTAR Kampus Mukah mengambil peluang ini untuk memberi taklimat ringkas mengenai mendedahkan perkhidmatan digital perpustakaan khususnya Mobile Apps, Live Chat, aplikasi QR Code dalam pengaksesan maklumat, Online Recommendation, buku Silibus yang berkaitan, pengaksesan online database dan lain-lain perkhidmatan perpustakaan bersama Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perladangan & Agroteknologi, UITM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

Program ini dilaksanakan di platform Google Meet. Antara yang terlibat dengan program ini antaranya Muhamad Syukeri Bin Abu Talip (KPP FPA), Abg Mohd Farizan Abg Yakup (Pustakawan Kanan) Ismail Bolia (Pembantu Pustakawan Kanan), Pn.Khairunniqmah Othman (Pustakawan), Tahir Raya (Pembantu Pustakawan).

LIBRARY OUTREACH@PTAR KAMPUS MUKAH 13 OGOS 2020



Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menjalankan program Outreach Bersama Fakulti Perladangan & Agroteknologi di Kampus Mukah pada 13 ogos 2020. PTAR Kampus Mukah mengambil peluang ini untuk memberi taklimat Perolehan Bahan Silibus & Penggunaan Sistem WEOPAC (Modul Online Book Recommendation) dan lain-lain perkhidmatan perpustakaan.

Program ini dilaksanakan di platform Google Meet. Antara yang terlibat dengan program ini antaranya Pensyarah Fakulti Sains Gunaan & Fakulti Perladangan & Agroteknologi, UITM Cawangan Swk Kampus Mukah seramai 16 orang serta staf PTAR En. Abang Mohd Farizan Abang Yakup (Pustakawan Kanan) En. Ismail Bolia (Pembantu Pustakawan Kanan), Pn.Khairunniqmah Othman (Pustakawan) dan En. Tahir Raya (Pembantu Pustakawan).

PROGRAM BUAL BICARA: EVOLUSI KESIHATAN MENTAL : PRE & POST PKP

26 OGOS 2020

اقرأ

LIVE

Disediakan oleh : Hapsah Sut

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Sarawak



Pada 26 Ogos 2020 telah berlangsung Live FB PTAR Sarawak "Program Bual Bicara" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sarawak. Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara dan tajuk yang dipilih untuk dibincangkan adalah "Evolusi Kesihatan Mental : Pre & Post PKP", bersetujuan dengan situasi semasa yang telah dikupas oleh Dr. Rosilawati Md. Yusoff (Pengarah dan Pakar Perunding Psikiatri Hospital Sentosa), Puan Khyrol Etty Abdul Hamid (Pegawai Psikologi (K.B.P.A) UiTM Cawangan Sarawak, Puan Nur Afeqah Abdullah (Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Sarawak) sebagai moderator.

Live FB PTAR Sarawak :

<https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/>

Like and follow us

<https://twitter.com/libuitmsarawak>

https://www.instagram.com/ptar_sarawak/

<https://www.youtube.com/c/ptartsarawak/>

<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>

PROGRAM BUAL BICARA KEMERDEKAAN

28Ogos 2020

Pada 28 Ogos 2020, jam 10:00 pagi telah berlangsung Live FB PTAR Sarawak "Program Bual Bicara Kemerdekaan" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM SARAWAK Sarawak dengan kerjasama Jabatan Jaringan dan Industri Pusat Sejarah UKM dan Jabatan Sains Sosial IPGK Batu Lintang. Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara. Tajuk yang telah dipilih untuk dibincangkan adalah "Kemerdekaan" bersetujuan dengan situasi semasa yang telah dikupas oleh Dr. Suffian Mansor, Ketua Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Habids Buhigiba bin Mohamad Bustamam, Pensyarah Akademik di Jabatan Sains Sosial,IPGK Batu Lintang, Kuching dan Encik Muhammad Nazmi bin Nazarudin, Penolong Pendaftar Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri,UiTM Cawangan Sarawak sebagai moderator.

Live FB PTAR Sarawak :

<https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/>

Like and follow us

<https://twitter.com/libuitmsarawak>

https://www.instagram.com/ptar_sarawak/

<https://www.youtube.com/c/ptartsarawak/>

<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>





**Sesi Perkongsian Bersama
ENCIK MOHAMAD FAISAL HIPNI
Perpustakaan Tun Abdul Razak**

JILIDAN MUDAH

(🕒) 10.00 am 5 OGOS 2020

● [www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/](#)
 ● [https://twitter.com/libuitmsarawak](#)
 ● [https://www.instagram.com/ptar_sarawak/](#)
 ● [https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/](#)
 ● [http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/](#)

Pada 5 Ogos 2020 telah berlangsungnya Live FB PTAR Sarawak bersama Encik Mohamad Faisal Bin Hipni (Pembantu Pemuliharaan). Live FB PTAR Sarawak ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara manakala tajuk yang dipilih untuk kali ini ialah "Penjilidan Mudah". Objektif Program ini bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada warga UiTM dan mewujudkan kesedaran literasi maklumat kepada pengguna perpustakaan. Selain itu, program ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan maldum balas daripada pengguna berkenaan keperluan maklumat mereka, isu-isu lain yang berkaitan dengan perpustakaan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna, serta meningkatkan kesedaran pengguna terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PTAR.

Live FB PTAR Sarawak : <https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/>
 Like and Follow Us:<https://twitter.com/libuitmsarawak> https://www.instagram.com/ptar_sarawak/
<https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/> <http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>

FIQH PERUBATAN (PANDUAN UNTUK PESAKIT)

25 Ogos 2020

Pada 25 Ogos 2020, jam 10.00 pagi telah berlangsungnya Live FB PTAR Sarawak "Sesi perkongsian ilmu" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sarawak. Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara dengan perkongsian bertajuk "Fiqh Perubatan (Panduan Untuk Pesakit)". Topik yang bersesuaian dengan situasi semasa ini telah disampaikan oleh Dr. Mohd. Kairol Jambli, Pegawai Perubatan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2. Live FB PTAR Sarawak :

<https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/>
 Like and follow us
<https://twitter.com/libuitmsarawak>
https://www.instagram.com/ptar_sarawak/
<https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/>
<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>

25 OGOS 2020

SELASA

10AM

**SESI PERKONGSIAN
BERSAMA**

**DR. MOHD.
KHAIROL
JAMBLI**

**Pegawai Perubatan UiTM Cawangan
Sarawak Kampus Samarahan 2**

FIQH PERUBATAN

"PANDUAN UNTUK PESAKIT"

[www.facebook.com/library.uitm.sarawak](#) [www.instagram.com/ptar_sarawak](#) [https://twitter.com/libuitmsarawak](#) [https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak](#)



KEMERDEKAANINI

Kemerdekaan ini
anugerah-Nya paling berharga
bersama warga wajib dipertahankan
sehingga ke penghujung nyawa

Tiada lagi kita bersengketa
tiada lagi disemai benih prasangka
tiada menyubur pohon sengsara
biar hanya berbunga bahagia

Seiringan menyulam sepakat
menyisih benci kesumat
agar bercambah sejarah manis
menyubur di sepanjang hayat
kembali ke alam abadi

Di pantai kemerdekaan ini
bagai aur dengan tebing
saling bertaut berkasih sayang
tiada lagi terlerai
berhembus angin damai
semerdu simfoni permai

Bersama warga semua berperanan
memacu impian kejayaan
sedia menimba ilmu pengetahuan
berkunjung ke perpustakaan berlapang dada
rajin membaca amalan berganda
mencanai minda cergas bijaksana
menyumbang kepada pembangunan negara
berbudi berbakti seikhlas di jiwa
mencipta nama di peta dunia

Bersama mencuci hati di basuh
impian ummah menjadi ampuh
tiada lagi keciciran bertangguh
biar perjuangan ini bersungguh
pengabadian kepada-Nya patuh
hanya kepada-Nya tumpang berteduh

NOOR IZAM BIN HJ. SAMIN

11 SEPT 2020